

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 7
HINGGA 67)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMPAU)
LISAN**

PERTANYAAN

21.03.2012

TARIKH

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMPAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat mengkaji semula Garis Panduan Amalan Pembiayaan Yang Bertanggungjawab oleh Bank Negara Malaysia, yang mana telah menyebabkan rakyat dan juga industri perbankan, insurans, takaful, automotif serta hartanah mengeluh kerana syarat kelulusan pinjaman yang mesti berasaskan gaji bersih setelah pemotongan wajib dan tanggungan hutang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelaksanaan Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab (Garis Panduan) adalah bertujuan untuk memastikan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus bagi pihak konsumer dan institusi kewangan dalam usaha memastikan sektor isi rumah dan pasaran kredit yang mapan serta tahap keberhutangan kumulatif isi rumah kekal sejajar dengan kemampuan kewangan sektor tersebut.

2. D

alam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, paras keberhutangan sektor isi rumah di Malaysia meningkat pada kadar purata tahunan 12.5%. Ini mencakupi 76.6% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2011 dan merangkumi 55% daripada jumlah pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan. Oleh yang demikian, Garis Panduan ini merupakan satu daripada langkah awalan komprehensif Bank Negara Malaysia untuk mengelakkan ketidakstabilan kepada sistem kewangan dan ekonomi negara seperti yang berlaku di beberapa buah negara maju.

3. G

aris Panduan ini bertujuan memastikan produk pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan kepada seseorang individu adalah bersesuaian dengan keperluan pembiayaan dan kemampuan membayar semula pinjaman oleh individu tersebut. Dalam menilai kemampuan seseorang individu untuk membayar semula pinjaman, institusi kewangan perlu mendapatkan maklumat mengenai pendapatan individu tersebut selepas mengambil kira potongan berkanun (contohnya: KWSP dan PCB) dan obligasi pembayaran balik hutang semasa mereka. Ini adalah penting bagi memastikan hutang kumulatif seseorang individu bersesuaian dengan kemampuan mereka untuk membayar balik pinjaman termasuk keupayaan menyerap sebarang kemungkinan pelarasan dalam kos pinjaman dan perubahan dalam pendapatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Dato' Haji Wan Abd Rahim Bin Wan Abdullah [Kota Bharu]
Tarikh Menjawab	21 Mac 2012 [Rabu]
Soalan	No. 8

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta

MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

menyatakan prospek tanaman getah dan kelapa sawit di pasaran dunia menjelang 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prospek tanaman getah dan sawit adalah positif menjelang tahun 2020 dengan mengambil kira permintaan kedua-dua komoditi ini di pasaran antarabangsa. Umpamanya, minyak sawit bukan hanya digunakan untuk tujuan makanan malah ia juga sesuai untuk penghasilan produk- produk penjagaan diri, farmaseutikal dan sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Bagi getah pula, keperluan dunia dijangka akan meningkat

dengan adanya permintaan bagi kegunaan penghasilan tayar kenderaan dan sarung tangan getah dalam industri kesihatan umpamanya.

Memandangkan kepada prospek ini, Kerajaan telahpun mengenalpasti kedua-dua industri ini sebagai Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara (GTP) ke negara berstatus maju menjelang 2020. Di bawah NKEA sawit, industri sawit disasarkan untuk menjana Pendapatan Negara Kasar (*Gross National Income-GNI*) sebanyak RM178 bilion sementara industri getah sebanyak RM52.9 bilion menjelang tahun 2020.

Selaras dengan sasaran NKEA, tanaman sawit dijangka akan mencecah 5.87 juta hektar menjelang tahun 2020 berbanding seluas 5 juta hektar pada tahun 2011. Keluasan tanaman getah pula dijangka akan bertambah daripada 1.02 juta hektar pada tahun 2011 kepada 1.2 juta hektar pada tahun 2020.

Sasaran ini akan dicapai melalui pelaksanaan lapan *Entry Point Projects* (EPPs) bagi industri sawit dan empat EPP bagi getah yang akan memberi tumpuan terhadap peningkatan produktiviti, kepelbagaian pengeiuran produk bernilai tambah tinggi dan mesra alam serta pengukuhan pasaran produk-produk berasaskan sawit dan getah.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, bagi memperkukuhkan pembangunan industri komoditi negara

yang termasuk getah dan sawit, Kementerian telahpun menggubal Dasar Komoditi Negara (DKN). Dasar ini bertujuan memastikan industri komoditi negara terus berdaya saing dan berorientasikan pasaran antarabangsa. DKN tertumpu kepada mentransformasikan negara sebagai hub komoditi dunia menjelang tahun 2020 melalui pendekatan tujuh teras strategik yang merangkumi:

- i. Pemerkasaan industri;
- ii. Pemodenan aktiviti pengeiuaran;
- iii. Penghasilan pelbagai produk bernilai tambah tinggi melalui penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan;
- iv. Penjanaan sumber pendapatan baharu;
- v. Pengukuhan pasaran sedia ada dan peluasan pasaran baharu;
- vi. Pengukuhan keupayaan pekebun kecil dan usahawan; dan
- vii. Pembagunan modal insan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]

TARIKH 21 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

SOALAN NO.9

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah model baru pengangkutan awam khususnya bantuan kepada bas berhenti-henti di negara ini dan adakah Kerajaan berhasrat mensubsidi perkhidmatan pengangkutan bas awam di bandar-bandar besar.

**JAWAPAN: ¹
YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha dan bekerja keras untuk mempertingkatkan prasarana serta kualiti

penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam bagi menjadikannya mod pilihan rakyat. Ini dapat dilihat melalui penstrukturan semula pengangkutan awam sedia ada melibatkan penggubalan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715).

Pada 19 Disember 2012, Majlis Ekonomi (EC) telah meluluskan peruntukan interim berjumlah RM 400 juta bagi membantu pengusaha untuk meneruskan perkhidmatan bas berhenti-henti terutamanya di kawasan luar bandar. Peruntukan ini adalah merupakan dana bantuan sementara yang boleh dianggap sebagai satu bentuk subsidi.

Peruntukan permulaan berjumlah RM100 juta akan digunakan pada fasa pertama yang bermula pada suku tahun pertama 2012. Dalam fasa pertama, dana ini akan digunakan untuk membantu syarikat-syarikat yang bermasalah di Negeri Selangor dan akan disusuli dengan negeri-negeri lain seperti Negeri Sembilan dan Pahang.

Majlis tandatangan perjanjian antara S.P.A.D dan Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan (SKMK) bagi tujuan pembayaran Dana Sementara Bas Berhenti-henti berjumlah RM1.3 juta telah diadakan pada 29 Febuari 2012.

SOALAN NO.9

Kerajaan akan menjadikan operasi perkhidmatan bas berhenti-henti di Negeri Kelantan sebagai penanda aras (*benchmark*) dan sekiranya pelaksanaannya berjaya, kaedah operasi tersebut akan dilaksanakan di bandar-bandar yang lain. Kerajaan juga turut menjadikan contoh yang dilaksanakan di negara luar sebagai rujukan.

Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan bahawa peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah bersifat jangka pendek. Namun melalui perbincangan dengan pengendali bas berhenti-henti, S.P.A.D. sedang merangka satu cadangan jangka panjang sebagai

SOALAN NO.9

membantu industri ini secara menyeluruh dalam menangani permasalahan yang dihadapi.

Selain itu, dalam Bajet 2012, Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM150 juta yang merupakan pinjaman kepada pengusaha bas berhenti-henti, bas sekolah dan bas mini melalui SME Bank dengan kadar faedah 4%. Pinjaman ini adalah bagi meringankan beban pengusaha untuk mengganti kenderaan dan membeli kenderaan baru.

Ini semua adalah contoh keprihatinan Kerajaan Persekutuan demi memberi perkhidmatan kepada rakyat dan pada masa yang sama membantu syarikat yang memberi khidmat di laluan sosial yang tidak menguntungkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN
DARIPADA

YB. DATO¹ SERI ZAHRAIN BIN
MOHAMED HASHIM

BAYAN BARU 21 MAC 2012 (RABU)

KAWASAN

TARIKH

SOALAN:

YB. DATO' SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED HASHIM (BAYAN BARU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapakah perolehan kutipan tol dan perbelanjaan penyenggaraan di Jambatan Pulau Pinang sejak ia bermula sehingga tahun 2011 adakah Kerajaan bercadang untuk menamatkan perjanjian konsesi lebih awal.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jambatan Pulau Pinang telah dibina pada tahun 1985 dengan harga atau kos projek sebanyak RM965.7 juta, termasuk kos pengambilan balik tanah dan kos-kos sampingan yang lain.

Sehingga 31 Disember 2011, jumlah hasii kutipan tol di Jambatan Pulau Pinang sejak ia mufa dibuka kepada lalu lintas ialah sebanyak RM2.51 bilion manakala kos penyelenggaraan pula bagi tempoh yang sama ialah sebanyak RM804 juta. Berdasarkan kepada Perjanjian Konsesi asal, tempoh konsesi Jambatan Pulau Pinang sepatutnya tamat pada 31 Disember 2021. Namun demikian, berikutan daripada penstrukturan semula kadar tol dan syarat-syarat perjanjian konsesi lebuhraya-lebuhraya di bawah syarikat PLUS Malaysia Sdn. Bhd. pada tahun lalu, tarikh tamat konsesi bagi semua lebuhraya di bawah entiti syarikat berkenaan - termasuk Jambatan Pulau Pinang - telah diselaraskan ke 31 Disember 2038. Menerusi penstrukturan semula itu, Kerajaan setakat ini telah menetapkan tiada lagi kenaikan kadar tol di Jambatan Pulau Pinang sehingga tamat tempoh konsesi. Ini bermakna kadar tol untuk kenderaan Kelas 2 (kenderaan persendirian) akan kekal pada kadar semasa, iaitu RM7.00 sahaja sehingga tahun 2038.

Walau bagaimanapun, Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk menamatkan perjanjian konsesi Jambatan Pulau Pinang lebih awal berbanding tarikh dalam Perjanjian Konsesi Tambahan memandangkan ia melibatkan implikasi perundangan dan kewangan kepada Kerajaan. Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH

SOALAN

21 MAC 2012

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI KESIHATAN**

menyatakan apakah ada perancangan untuk menaiktaraf hospital Kapit dalam jangka masa terdekat ini. Bolehkah Jabatan Kesihatan mewujudkan sebuah unit 'kidney dialysis' di Klinik Kesihatan Daerah Song memandangkan sekarang ada beberapa orang pesakit buah pinggang yang sangat memerlukan perkhidmatan tersebut di Song.

Tuan Yang di-Pertua

Kerajaan sememangnya sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan diseluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan di pedalaman, termasuklah Hospital Kapit. Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan dan bercadang untuk menaiktaraf bangunan dan menyediakan perkhidmatan pakar di Hospital Kapit dalam tempoh *Rolling Plan* kedua RMKe-10, namun disebabkan kekangan peruntukan, maka cadangan ini belum dapat diluluskan. Cadangan ini akan dipohon sekali lagi di dalam *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10.

Sementara cadangan tersebut diluluskan, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha menaiktaraf infrastruktur sedia ada di Hospital Kapit dengan menggunakan peruntukan projek-projek kecil yang ada dilaksanakan secara berperingkat bersesuaian dengan sumber kewangan sedia ada.

Bagi pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit yang memerlukan rawatan kepakaran khusus, mereka akan dirujuk ke Hospital Sibul. Langkah ini diambil bagi memastikan pesakit mendapat rawatan yang terbaik bersesuaian dengan penyakit yang dihadapi. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha menambah bidang kepakaran yang disediakan di Hospital Kapit dari semasa ke masa mengikut keperluan dan kemampuan berpandukan kepada pelan perancangan perkhidmatan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua

Perkhidmatan hemodialisis adalah perkhidmatan yang terdapat diperingkat sekunder dan tertiar (*secondary and tertiary services*) yang mana ia telah diwujudkan di hospital-hospital pakar dan bukan pakar untuk memberi perkhidmatan dialisis kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya. Perkhidmatan ini memerlukan kepatuhan kepada prosedur klinikal, kawalan infeksi, sistem rujukan dan juga penyeliaan secara terus dari pakar nefrologi di samping perkhidmatan sokongan untuk pembersihan, pelupusan sisa klinikal dan penyelenggaraan mesin dialisis.

Bagi Negeri Sarawak, sehingga kini terdapat 20 buah hospital Kerajaan yang mempunyai pusat hemodialisis. Hospital Kerajaan terdekat bagi Daerah Song adalah Hospital Kapit dan Hospital Kanowit.

Daerah Song mempunyai penduduk lebih kurang 50,000 orang dan mempunyai 5 buah klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Song, Klinik Kesihatan Tekalit, Klinik Kesihatan Bangkit, Klinik Kesihatan Engkuah dan Klinik Kesihatan Chemenong.

Dalam Daerah Song tidak terdapat hospital atau pusat hemodialisis. Walau bagaimanapun, Hospital Kapit menyediakan perkhidmatan dialisis dengan menggunakan 7 mesin dialisis, manakala, Hospital Kanowit mempunyai 4 mesin dialisis.

Buat masa ini, terdapat 6 orang pesakit dari Daerah Song yang memerlukan rawatan hemodialisis, di mana, 4 orang mendapat rawatan hemodialisis di Hospital Kapit, seorang di Hospital Kanowit dan seorang di hospital swasta Sibu. Oleh kerana perjalanan dari Song ke pusat hemodialisis sedia ada memakan masa selama 1 sehingga 2 jam melalui perjalanan sungai, KKM akan mempertimbangkan perkhidmatan dialisis dimulakan di Klinik Kesihatan Song dengan perancangan rapi untuk memastikan pegawai terlatih dapat meneruskan perkhidmatan ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dr. Hlew King Cheu

TARIKH : 21 Mac 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit di bawah FELDA di Sabah, dan jumlah pengeluaran minyak sawit dari kawasan-kawasan ini, dan cara bagaimana FELDA memberi manfaat kepada rakyat Sabah.

iawapam
~~JAVV- AN~~

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Luas keseluruhan kawasan tanaman sawit Ladang FELDA di Sabah adalah sebanyak lebih kurang 103,173 hektar. Jumlah pengeluaran minyak sawit tahunan FELDA di Sabah adalah sebanyak lebih kurang 550,600 MT.

FELDA telah membangunkan beberapa kawasan perladangan dan perindustrian kelapa sawit di Sabah, antaranya di Lahad Datu, Tawau dan Sandakan bermula dari awal 80'an. Pembangunan tanah perladangan dan perindustrian berasaskan perladangan ini telah memberi manfaat kepada penduduk Sabah untuk terlibat secara langsung atau tidak langsung samada sebagai peneroka FELDA, pekerja ataupun peniaga samada di dalam atau di luar kawasan yang dibangunkan oleh FELDA.

FELDA juga turut menyumbang melalui bayaran cukai kepada kerajaan negeri Sabah serta membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat.

000000000000000000

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. TUAN DING KUONG HIING
(SARIKEI)**

TARIKH

21.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang menaiktaraf Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang di Meradong kepada taraf Kolej Universiti/Universiti. Nyatakan juga cadangan dan perancangan Kementerian meningkatkan kualiti pendidikan di negeri Sarawak khasnya Zon Tengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Rajang masih kekal status quonya sebagai institut pendidikan guru di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penaiktarafan IPG terletak dalam bidang kuasa Jemaah Menteri.

KPM sedang dalam proses menyediakan Pelan Strategik Program Bina Upaya Profesionalisme Keguruan dalam usaha meningkatkan kompetensi, kapasiti dan kualiti guru seluruh negara. Penghasilan pelan strategik ini bertujuan memastikan seluruh warga pendidik dapat melaksanakan dasar pendidikan negara dengan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu pembentukan modal insan yang cemerlang melalui sistem pendidikan negara yang berkualiti. Program ini juga bermatlamat memantapkan barisan pemimpin di semua peringkat KPM yang boleh berperanan sebagai penggerak utama (*prime movers*) dalam usaha meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara serta menjadi peneraju kecemerlangan bagi organisasi dan insititusi masing-masing.

Program bina upaya profesionalisme keguruan yang dirancang melalui pelan strategik ini akan dilaksanakan melalui kaedah kursus dan latihan dalam perkhidmatan; pendedahan kepada amalan terbaik dalam konteks pendidikan; perkongsian pintar dengan institusi; dan agensi latihan dalam dan luar negara.

Rjm 29

SOALANNO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.

SANTIAGO

TARIKH: 21 MAC 2012

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengapa aduan NUBE di bawah Seksyen 8 Akta Perhubungan Perusahaan pada Oktober 2011 dan bantuan yang dimohon oleh NUBE (24 Oktober, 2011) tidak diambil tindakan oleh Kementerian dua pegawai NUBE Maybank dipecat.

PR-1251-L47522

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. National Union of Bank Employees (NUBE) telah memfailkan aduan di bawah seksyen 8 Akta Perhubungan Perusahaan (APP) 1967 di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia pada 14.9.2011 atas dakwaan pelanggaran seksyen 4(1) dan 5(1) APP 1967. Dalam

aduannya, NUBE mendakwa majikan (Maybank) masuk campur dalam aktiviti kesatuan sekerja dengan memberi surat tunjuk sebab dan notis siasatan dalaman terhadap 2 (dua) pegawai NUBE yang didakwa mencemarkan nama baik majikan.

2. Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) telah mengambil langkah-langkah sewajarnya dengan mengadakan rundingan damai bagi mencari penyelesaian terhadap aduan NUBE ini pada 10.11.2011, 21.10.2011 dan 21.11.2011. Walau bagaimanapun perundingan yang dijalankan gagal mencapai penyelesaian. Aduan ini kemudiannya dirujuk kepada YB Menteri Sumber Manusia bagi mendapatkan keputusan dan pada 16.2.2012, YB Menteri telah merujuk kes ini ke Mahkamah Perusahaan.

3. NUBE pada 24.10.2011 memohon supaya Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan hadir semasa siasatan dalaman dijalankan ke atas kedua-dua pegawai tersebut, ataupun memberi pandangan secara bertulis. Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan memutuskan tidak hadir atau tidak memberi pandangan secara bertulis kerana permohonan ini di luar bidang kuasa beliau. Ini kerana siasatan dalaman adalah merupakan urusan di antara kedua-dua pihak (pegawai NUBE dan majikan) dan Jabatan Perhubungan Perusahaan adalah merupakan pihak berkecuali.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2012)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED
 SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH 21 MAC 2012 [RABU]

SOALAN :

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan akan membentang Rang Undang-Undang Murtad di Dewan Rakyat yang mulia ini.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu langkah proaktif Kerajaan dalam menangani isu-isu murtad khususnya bagi mengawal perkembangan pengembangan ajaran bukan Islam kepada orang-orang Islam di Malaysia dari segi perundangan adalah melalui penggubalan undang-undang kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam. Tindakan ini adalah berdasarkan kepada Perkara 11(4) **Perlembagaan Persekutuan**

yang memperuntukkan bahawa undang-undang negeri dan Persekutuan boleh digubal untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Beberapa buah Negeri telah mempunyai undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. Undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam.

Negeri-Negeri yang telah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam ialah seperti yang berikut:

- (i) Terengganu (Enakmen Bil. 1 Tahun 1980)
[Berkuat kuasa pada 1 April 1986, Tr. P.U.12]
- (ii) Kelantan (Enakmen Bil. 11 Tahun 1981)
[Berkuat kuasa pada 1 Januari 1987, Kn. P.U.7]
- (iii) Selangor (Enakmen No. 1 Tahun 1988)
[Berkuat kuasa pada 8 Julai 1988]
- (iv) Melaka (Enakmen No. 1 Tahun 1988)
[Berkuat kuasa pada 1 Januari 1990]
- (v) Kedah (Enakmen Bil. 11 Tahun 1988)
[Berkuat kuasa pada 1 Oktober 1988]
- (vi) Pahang (Enakmen No. 5 Tahun 1989)
[Berkuat kuasa pada 1 Mac 1990]
- (vii) Johor (Enakmen No. 12 Tahun 1991)
[Berkuat kuasa pada 23 April 1992]

- (viii) Negeri Sembilan (Enakmen No. 9 Tahun 1991)
[Berkuat kuasa pada 5 April 2007]
- (ix) Perlis (Enakmen No. 6 Tahun 2002)
[Berkuat kuasa pada 1 Januari 2007]

Antara kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam undang-undang yang tersebut di atas adalah sebagaimana yang berikut:

- (i) kesalahan memujuk, mempengaruhi atau menghasut orang beragama Islam supaya mengubah keimanan;
- (ii) kesalahan mendedahkan orang belum dewasa beragama Islam kepada pengaruh agama bukan Islam;
- (iii) kesalahan mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai agama bukan Islam;
- (iv) kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam kepada orang beragama Islam;
- (v) kesalahan membahagikan di tempat awam terbitan mengenai agama bukan Islam kepada orang beragama Islam; dan
- (vi) kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan dan perbualan tertentu yang bersumber Islam.

Dalam konteks penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam,

individu bukan Islam yang didapati melakukan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang ini boleh didakwa di mahkamah. Mahkamah yang diberi bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan tersebut ialah mahkamah sivil dan bukan mahkamah syariah. Dari segi penguatkuasaan pula, ia boleh dilakukan dengan kerjasama antara Polis di-Raja Malaysia dengan agensi penguatkuasaan agama Negeri- Negeri.

Walaupun sembilan (9) buah Negeri yang dinyatakan di atas telah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam, namun sehingga kini, mengikut rekod JAKIM, hanya terdapat satu (1) kes yang telah diambil tindakan pendakwaan oleh pihak polis di Pahang iaitu kes *PP Iwn Krishnan a/l Muthu (MA 83-146-2002)* di mana beliau telah dituduh di Mahkamah Majistret Temerloh, Pahang pada tahun 2002. Tertuduh telah dikenakan tindakan di bawah Seksyen 4(2) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Pahang 1989 kerana mempengaruhi seorang wanita Melayu beragama Islam meninggalkan agama Islam. Tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan tersebut dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM 1,500.00 dan hukuman penjara selama 20 hari oleh Mahkamah Majistret Temerloh, Pahang.

Bagi undang-undang Syariah, terdapat negeri yang telah memperuntukkan kesalahan percubaan murtad. Sebagai contoh, Negeri Melaka telah memperuntukkan hukuman bagi kesalahan percubaan murtad dan syubahat dalam percubaan murtad dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1988. Seksyen 66 dan 67 Enakmen tersebut memperuntukkan seperti yang berikut:

Percubaan murtad.

66. (1) Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah hendaklah, jika berpuashati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukarkan iktikad dan kepercayaan Agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan

dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.

(2) Jika seseorang yang telah diperintahkan supaya ditahan di bawah subseksyen (1) -

(a) bertaubat dengan serta-merta, Mahkamah hendaklah, setelah mengesahkan taubatnya itu, membebaskan orang tersebut; atau

(b) jika orang itu pada bila-bilaa masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada Mahkamah dan Mahkamah hendaklah memanggil orang itu dan setelah mengesahkan taubatnya itu, hendaklah membuat satu perintah untuk membebaskannya.

(3) Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan satu laporan

kemajuan berhubung dengan orang yang ditahan itu kepada Mahkamah pada setiap minggu.

(4) Pusat Bimbingan Islam hendaklah diwartakan sebagai Pusat Tahanan di dalam Warta. Syubahat kepada percubaan murtad.

67. (1) Seseorang yang bersyubahat di bawah seksyen 66 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam buian atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang itu boleh dianggap bersyubahat jika ia melakukan mana-mana perkara yang disebutkan di bawah Enakmen ini.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Kerajaan belum berhasrat untuk mewuiudkan undang-undang yang berkaitan deraan murtad buat masa sekarang dan akan memperkasakan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 21 MAC 2012

SOALAN

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keluasan hutan simpan dan bukan simpan di seluruh negara. Apakah keberkesanan penguatkuasaan untuk mencegah pembalakan haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia masih mengekalkan keluasan kawasan berhutan, *area under forest cover* (dengan izin) seluas 18.48 juta hektar atau 56.4 peratus daripada keluasan tanah negara. Daripada jumlah kawasan berhutan ini, seluas 79.1 peratus (iaitu 14.61 juta hektar) adalah Hutan Simpanan Kekal manakala bakinya seluas 20.9 peratus (iaitu 3.87 juta hektar) adalah kawasan hutan di luar Hutan Simpanan Kekal.

Kerajaan memandang berat kegiatan pembalakan haram kerana kesan negatifnya terhadap biodiversiti, kualiti hutan dan alam sekitar. Bagi membanteras kegiatan ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perhutanan mengambil tindakan penguatkuasaan seperti berikut:

- i. memperkukuhkan aspek perundangan dengan mengkaji serta meminda Akta Perhutanan Negara 1984 dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan;
- ii. menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara berkala dan berterusan yang meliputi pemeriksaan kawasan lesen pengusahaan, pemantauan industri berasas kayu, pemeriksaan dan rondaan serta sekatan jalan raya; dan

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUABELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATUK BUNG MOKHTAR

BIN RADIN (KINABATANGAN)

TARIKH

21 MAC 2012

SOALAN

Minta **Menteri kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan:-

- (a) jumlah perbelanjaan Kerajaan dalam menaiktaraf jalan luar bandar di Sabah khasnya daerah Kinabatangan; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang menaiktaraf jalan luar bandar seperti Kg. Keramuak, Bangkulat-Mangkawagu, Kg. Sinar Jaya, Kg. Suan Lamba, Kampung Balat dan Kg. Kuamut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rolling Plan I, RMKe-10 iaitu sehingga tahun 2012, Kerajaan telah mensasarkan pembinaan jalan sepanjang 1,259.74km di seluruh Negeri Sabah dengan peruntukan berjumlah

RM2.0 billion. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM 67.11 juta di peruntukkan untuk membina dan menaiktaraf jalan di daerah Kinabatangan sepanjang 38.70km.

- b) Kementerian telah menyenaraikan projek tersebut dibawah RMKe-10 dan pelaksanaannya dijangka pada tahun 2013 hingga 2015 tertakluk kepada peruntukan mencukupi disediakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING)
TARIKH	21.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa pada Januari 2012, 607 guru sambilan harian (GSH) di Sarawak dihentikan perkhidmatan mereka dengan serta-merta. Adakah pampasan dibayar kepada mereka atas penamatan kontrak mereka. Kenapa hanya 349 guru interim dilantik untuk mengisi kekosongan yang diwujudkan oleh penghentian kontrak mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lantikan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) / Guru Sambilan Harian (GSH) adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan dari sebulan ke sebulan dan tamat pada 31 Disember tahun berkenaan. Pelantikan mereka bukan merupakan lantikan kontrak yang diberi ganjaran kontrak. Oleh yang demikian, tiada sebarang pampasan dibayar kepada mereka kerana gaji GSTT/GSH dibayar secara harian dan tidak terikat dengan sebarang kontrak.

Sejumlah 352 kuota guru interim diluluskan untuk dilantik oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Sarawak setelah mengambil kira jumlah senarai nama graduan lepasan IPTA dalam bidang pendidikan tahun 2011 yang berasal dari Sarawak. Walau bagaimanapun kekosongan jawatan guru di Sarawak akan diisi oleh guru-guru tetap pada pertengahan April 2012.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meluluskan kuota kepada JPN untuk melantik 1,848 Guru Interim untuk menampung kekosongan jawatan guru di SJKC di seluruh negara.

Satu jawatankuasa khas menangani isu kekurangan guru di SJKC telah ditubuhkan oleh KPM dan dipengerusikan oleh Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong dan telah bermesyuarat pada 16 Mac 2012.

GSTT hanya memiliki kelayakan akademik dan kelayakan Bahasa Malaysia sahaja. Pelantikan mereka diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) / Jabatan / Bahagian berkaitan seperti Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral dan Jabatan Pendidikan Khas, KPM dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). GSTT adalah tidak bertaraf kakitangan Kerajaan dan sentiasa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh KPM / KPTM. Upahan yang diterima adalah dalam bentuk elaun bulanan sahaja.

Selaras dengan pengumuman YAB Menteri Pelajaran, KPM tidak akan melantik GSTT di sekolah-sekolah KPM mulai tahun 2012. Sebagai langkah penyelesaian sementara bagi mengisi kekosongan jawatan pada awal sesi persekolahan, KPM membenarkan JPN untuk melantik Guru Interim. Walau bagaimanapun, pelantikan serta kadar bayaran elaun Guru Interim ini adalah masih tertakluk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 1 Tahun 2007 mengenai Syarat-Syarat Pelantikan serta Kemudahan-Kemudahan untuk Guru Sandaran.

NO. SOALAN : 19

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

[HULU TERENGGANU]

TARIKH

21.03.2012 (RABU)

TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bilangan kedai runcit 1 Malaysia di seluruh negara serta nyatakan prestasi perniagaan keseluruhan kedai-kedai runcit ini setelah mengikuti program tersebut dan sejauh manakah ianya dapat mengatasi masalah kenaikan harga barang keperluan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 1 Mac 2012, sebanyak 31 buah Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) telah dibuka di seluruh negara. KR1M beroperasi tanpa mensasarkan keuntungan. Untung kasar yang diperolehi oleh KR1M hanyalah antara 10% hingga 12% sahaja.

NO. SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 21 MAC 2011

SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang isu peminggiran usahawan Bumiputera yang dibangkitkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) yang melibatkan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) semasa menggubal Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) berlandaskan Model Baru Ekonomi (MBE) yang dilaksanakan menerusi 12 makmal Program Transformasi Ekonomi (ETP).

JAWAPAN

Dalam usaha untuk mentransformasikan Negara, kaum Bumiputera terus diberi perhatian penting. Dengan tertubuhnya TERAJU, PEMANDU terus bekerjasama dengan TERAJU untuk menggalakkan dan meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Bumiputera di negara ini.

Kerjasama ini termasuk penglibatan TERAJU dalam sesi makmal makmal Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) yang dianjurkan oleh

PEMANDU di mana salah satu daripada enam makmal adalah mengenai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera.

Satu hasil daripada makmal tersebut adalah penubuhan inisiatif PKS yang berpotensi dan berprestasi tinggi ataupun TeraS. Program TeraS telah dilancarkan sebagai satu cara untuk mengenai pasti syarikat Bumiputera yang berprestasi tinggi dan membantu mereka mencapai peningkatan dalam perniagaan mereka dengan menyediakan peluang perniagaan berasaskan merit. Sejumlah 1,100 syarikat Bumiputera akan dikenal pasti untuk menyertai program Teras. Setakat ini sebanyak 80 syarikat Bumiputera telah dipilih menyertai Program TeraS. Matlamatnya adalah supaya syarikat ini bukan hanya berkembang dalam pasaran tempatan tetapi juga di peringkat global.

Syarikat TeraS akan mendapat akses kepada peluang perniagaan baru, pembiayaan, guna tenaga berbakat dan khidmat nasihat perniagaan. TERAJU akan bekerjasama dengan PEMANDU dan lain lain kementerian dan agensi Kerajaan untuk menyediakan peluang perniagaan dan bertindak sebagai pemudah cara bagi memenuhi keperluan syarikat di bawah program TeraS.

Program ini telah dipaparkan di dalam dokumen Halatuju Transformasi Ekonomi Bumiputera yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 26 November 2011.

TERAJU dan PEMANDU akan terus bekerjasama dengan pihak TERAJU dalam menyokong inisiatif-inisiatif serta program-program bagi menggalakkan pembangunan syarikat-syarikat Bumiputera di negara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

BERTANYAAN	LISAN		
DARIPADA	DATUK DR. MARCUS MOJIGOH		
KAWASAN	PUTATAN		
TARIKH	21.03.2012 (Rabu)		
NO. SOALAN	21		
DATUK DR. MARCUS MOJIGOH	minta	MENTERI	
PERDAGANGAN	ANTARABANGSA	DAN	
menyatakan		INDUSTRI	
a) jumlah pelaburan langsung asing (Foreign Investment) di Malaysia tahun 2011; dan		Direct	
b) apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelabur asing ini melabur di Malaysia.		minat	

Jawapan (a) ~~Jawapan (a)~~ Ketua,

Pada tahun 2011, jumlah pelaburan asing FDI yang diluluskan di dalam ekonomi Malaysia bernilai RM66.3 bilion. Ini adalah merangkumi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama.

Sektor perkilangan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak RM 34.1 billion di ikuti oleh sektor perkhidmatan sebanyak RM 16.2 billion dan sektor utama sebanyak RM 16 billion.

Pertumbuhan ini didorong dengan keyakinan para pelabur asing melabur di dalam industri yang mempunyai lebih nilai tambah, berteknologi tinggi dan berorientasikan kemahiran serta pengetahuan tinggi.

Lima negara tertinggi dari segi sumbangan pelaburan asing (FDI) dalam sektor perkilangan yang diluluskan pada 2011 adalah Jepun (RM 10 billion), Korea Selatan (RM 5.2 billion), Amerika Syarikat (RM 2.5 billion), Singapura (RM 2.5 billion) dan Arab Saudi (RM 2.2 billion).

Tuan yang Dipertua,
Jawapan (b):

Sehingga kini, Malaysia berjaya mengekalkan rekod cemerlang di dalam menarik pelaburan asing (FDD. Antara faktor-faktor yang mengalakkan pelaburan asing ke negara adalah seperti berikut:-

i. Keadaan Politik Yang Stabil

Politik yang stabil akan meningkatkan kemakmuran ekonomi sesebuah negara. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kestabilan politik yang terpelihara. Badan politik, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan kerajaan mempunyai tanggungjawab bersama membina sebuah negara yang aman dan 'pro-business'.

ii. Polisi Pelaburan yang Jelas dan Liberal

Para pelabur akan mempunyai pilihan di dalam menentukan lokasi dan polisi pelaburan sesebuah negara. Oleh yang demikian polisi pelaburan negara perlu diperbaiki dari semasa ke semasa bersesuaian dengan keperluan dan suasana ekonomi di dalam dan luar negara.

iii. **Insentif Kerajaan yang Menarik**

Malaysia menawarkan galakan cukai fiskal dan bukan fiskal bagi menarik pelaburan yang berkualiti di dalam teknologi tinggi, intensif modal, industri berdasarkan pengetahuan, aktiviti R&D dan perkhidmatan.

iv. **Lokasi yang Strategik**

Sebagai sebuah negara yang berada di lokasi perdagangan Timur-Barat, ahli kepada kumpulan ASEAN 10 yang mempunyai populasi seramai 600 juta orang serta kombinasi KDNK sebanyak US\$ 1.1 'trillion' telah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih yang menyediakan pelbagai peluang serta akses kepada pasaran yang luas.

v. **Gunatenaga yang Produktif**

Malaysia mempunyai gunatenaga dari kalangan pelbagai etnik dan bahasa yang mampu berkomunikasi secara efektif di pasaran rantau ini.

vi. **Pelindungan IP. Sekuriti Data & Maklumat Peribadi**

Kerajaan Malaysia memandang serius di dalam menangani hal-hal berkaitan plagiat dan melindungi

harta intelek syarikat dan individu dengan menggubal polisi dan undang-undang berkaitan.

vii. **Kehidupan yang berkualiti seperti pendidikan, perumahan dan kemudahan rekreasi.**

viii. **Polisi terbuka oleh kerajaan terhadap kedatangan para pelabur.**

ix. **Kemudahan-kemudahan lain seperti sistem perbankan dan insuran yang teguh dan efisien untuk memberi perkhidmatan kepada para pelabur.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **YB DATO' IBRAHIM BIN ALI**
TARIKH **21 MAC 2012 (RABU)**

SOALAN

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang meminda undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memberi kuasa penuh kepada SPRM untuk mendakwa kes rasuah bagi memastikan tiada kes ditolak seperti cadangan oleh Transparency International (TI) Malaysia.

JAWAPAN: **DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Di mana-mana negara pun, kuasa untuk membuat pertuduhan dan pendakwaan terletak hak pada Peguam Negara atau pun Pendakwa Raya yang bebas dan tidak dipengaruhi oleh agensi penyiasatan.

Berkenaan dengan cadangan supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diberi kuasa penuh untuk mendakwa kes rasuah bagi

memastikan tiada kes ditolak seperti cadangan oleh *Transperancy International (TI) Malaysia*, Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Peguam Negara mempunyai kuasa untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan. Peguam Negara juga merupakan Pendakwa Raya menurut seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*],

Walau bagaimanapun, Pendakwa Raya boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi Timbalan Pendakwa Raya bagi menjalankan kuasa Pendakwa Raya tetapi kuasa tersebut adalah tertakluk kepada kawalan dan arahan Pendakwa Raya (subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah). Timbalan Pendakwa Raya yang ditempatkan di SPRM merupakan Timbalan Pendakwa Raya yang dilantik di bawah subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah tersebut.

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang yang melibatkan SPRM iaitu Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] bagi membolehkan SPRM untuk memulakan pendakwaan bagi kes rasuah secara penuh tanpa menolak sebarang kes kerana dalam menjalankan penyiasatan dan pendakwaan, perlu ada '*check and balance*'.

Sekiranya SPRM diberi kuasa penuh untuk membuat keputusan untuk mendakwa tanpa menolak sebarang kes, maka tidak wujud unsur pemikiran yang bebas (*independence of mind*) dalam mempertimbangkan fakta dan keterangan sesuatu kes secara objektif. Ini juga adalah bertentangan dengan prinsip keadilan asasi “*a man should not be a judge in his own cause*” kerana Ketua Pesuruhjaya SPRM dan pegawai SPRM menjalankan kuasa siasatan mengikut seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH
BINTI ABD.
RAHMAN (TANJONG
MANIS)**

TARIKH : 21 MAC 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan :

- a) sama ada Kementerian dapat membaiki paip-paip air dari Sarikei ke kampung-kampung di Tanjung Manis dengan segera kerana mengalami kebocoran yang amat teruk sejak sekian lama; dan
- b) memandangkan tekanan air terlalu rendah dan air tidak mencukupi, sama ada Kementerian dapat menyediakan bajet untuk menyambung paip dari Sibu ke Tanjung Manis, Paloh sehingga ke Pulau Bruit

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, kerja-kerja memperbaiki paip-paip yang mengalami kebocoran adalah di luar skop projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Ianya adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) memandangkan ia merupakan sebahagian daripada kerja-kerja pengoperasian dan penyelenggaraan (O&M).

Kementerian ini mengambil maklum tentang masalah kekurangan air dan juga tekanan di kawasan Sarikei. Justeru itu, Kementerian ini bercadang untuk melaksanakan projek menaiktaraf Loji Rawatan Air Bayong di Sarikei bertujuan untuk memastikan masalah kekurangan air dan tekanan di kawasan Sarikei dapat diatasi sepenuhnya dan seterusnya membekalkan keperluan air di kawasan Tanjung Manis sehingga ke Pulau Bruit.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

(POKOK SENA)

TARIKH

21 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status jawatan Encik Abidin Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Besar FELDA dan kenapakah beliau dipindahkan ke perpustakaan JPM.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Encik Abidin Ab. Rahman masih menyandang gred Jawatan Utama- JUSA B dan kekal menerima kemudahan yang sedia ada seperti mana dalam syarat perkhidmatan. Adalah menjadi amalan biasa dalam perkhidmatan untuk memindahkan pegawai-pegawai FELDA kejawatan dan jabatan yang lain berdasarkan keperluan semasa. Pada masa ini beliau ditempatkan di perpustakaan Jabatan Perdana Menteri sejak 2 Februari 2012 untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan FELDA. Di antara tugas yang dijalankan oleh Encik Abidin Ab. Rahman ialah menganalisa dan member maklumbalas mengenai laporan dan berita yang disiarkan dalam media cetak, elektronik, radio dan televisyen. Beliau juga diberi tanggungjawab untuk mengemukakan cadangan kearah penambahbaikan dalam program-program pembangunan komuniti tanah rancangan. Selain daripada tugasitu, beliau juga ditugaskan menerbitkan artikel berkaitan pengurusan dan pembangunan komuniti untuk terbitan dalaman FELDA.

000000000000000000

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI
ANAK LAPE (MAS GADING)**

TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah status pelaksanaan Jalan Kendaie di Daerah Lundu, Sarawak yang dilaporkan telah diluluskan tetapi setakat ini belum dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Jalan Kendaie di Daerah Lundu, Sarawak tidak tersenarai di bawah projek Jalan Luar Bandar (JALB) Negeri Sarawak di bawah "first rolling plan" dan "second rolling plan" RMKe-10 Kementerian.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah menyenaraikan projek ini di bawah "***third rolling plan***" RMKe-10 bagi tahun pelaksanaan pada 2013-2015.

NO.SOALAN : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN:

YB Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah wakil CUEPACS tidak dilibat dalam penyediaan SBPA (Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam) sehingga timbul pelbagai masalah apabila diumumkan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam merangka SBPA, Kerajaan telah mengadakan forum perbincangan bersama CUEPACS dan wakil persatuan melalui tiga (3) Majlis Bersama Kebangsaan yang bersidang sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun. Di samping itu, mesyuarat tidak berkala lain juga diadakan antara pegawai tinggi Kerajaan dengan ahli-ahli Majlis Tertinggi CUEPACS. Kerajaan juga menerima Memorandum daripada CUEPACS dengan tuntutan-tuntutan tertentu yang telah dikaji dan diambil kira dalam penggubalan SBPA. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 13 mesyuarat utama bersama CUEPACS telah diadakan merangkumi Mesyuarat dengan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK), taklimat kepada Ahli Majlis Tertinggi CUEPACS dan siri Perjumpaan Bersama CUEPACS pada tahun 2011 yang membawa kepada termeterainya Memorandum Persefahaman mengenai Pelaksanaan SBPA antara JPA dan CUEPACS yang ditandatangani pada 28 Disember 2011.

Satu Suruhanjaya akan ditubuhkan yang akan dianggotai oleh semua pihak berkepentingan termasuk CUEPACS untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik Perkhidmatan Awam Malaysia yang bukan sahaja melibatkan sistem saraan tetapi juga rupa bentuk perkhidmatan awam masa depan yang diperlukan negara. Suruhanjaya ini akan bekerja berasaskan prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN

RAKYAT

DARIPADA

JAWAB LISAN

TARIKH

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]

SOALAN

21 Mac 2012 (RABU)

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan berapakah jumlah bantuan atau subsidi yang diberikan kepada golongan nelayan di negara ini dan sejauh mana ia telah memberi kesan kepada peningkatan hasil tangkapan.

JAWAPAN OLEH: YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI AS AS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah memberi bantuan atau subsidi kepada nelayan sebanyak RM10.337 billion dari tahun 2006 sehingga 2011.

Pada tahun 2011, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.478 juta bagi bantuan subsidi diesel, RM142 juta bagi subsidi petrol, RM116 juta untuk Elaun Sara Hidup dan sebanyak RM70 juta untuk Insentif Hasil Tangkapan. Jumlah keseluruhan bantuan dan subsidi pada tahun 2011 adalah sebanyak RM 1,806 juta.

Dari segi kesan kepada peningkatan hasil adalah didapati dengan adanya bantuan atau subsidi, hasil pendaratan ikan negara adalah tidak merosot dengan ketara dan terdapat peningkatan pada tahun 2010. Berikut adalah pendaratan ikan laut sepanjang tahun 2006 hingga 2011.

Tahun	Pendaratan Ikan (tan metrik)
2006	1.379 juta
2007	1.381 juta
2008	1.394 juta
2009	1.393 juta

2010	1.428 juta
2011	1.172 juta

Nota

* - nilai anggaran jumlah pendaratan ikan pada tahun 2011

Tujuan pemberian bantuan dan subsidi bukanlah hanya untuk meningkatkan hasil tangkapan tetapi ianya adalah juga bertujuan untuk mengurangkan kos operasi nelayan ke laut. Pemberian bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan pula bertujuan untuk menampung perbelanjaan nelayan semasa musim tidak menangkap ikan terutama musim tengkujuh dan laut bergelora. Manakala bantuan Insentif Hasil Tangkapan ikan pula bertujuan menggalakkan nelayan mengisytiharkan pendaratan ikan dalam negara.

SOALAN NO.28**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]**

TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN:

TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU) minta PERDANA MENTERI

menyatakan:-

SOALAN NO.28

- (a) jumlah pemilih terkini berbanding tahun 2008 dan pemilih pos mengikut kawasan Parlimen; dan
- (b) berapakah jumlah pendaftaran pemilih baru dan pertukaran tempat mengundi mengikut parti politik bagi tahun 2009 hingga 2011.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Jumlah pemilih terkini berbanding tahun 2008 dan pemilih pos mengikut kawasan Parlimen adalah seperti di LAMPIRAN 1.

(b) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melantik Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) (Parti Politik) untuk membantu menerima permohonan pendaftaran baru sahaja. SPR tidak mempunyai maklumat jumlah pendaftaran baru yang diterima melalui PPP (Parti Politik) mengikut

SOALAN NO.28

parti.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN 1

PARLIMEN	DAFTAR PEMILIH INDUK 2008					DAFTAR PEMILIH TERKINI ST3/2011					BANDINGAN DPI 2008 - ST32011	
	TENTER A	POLIS	LUAR NEGARA	AWAM	JUMLAH	TENTER A	POLIS	LUAR NEGARA	AWAM	JUMLAH		
001	PADANG BESAR	1,189	517	3	35,412	37,121	1,383	430	3	38,217	40,033	2,912
002	KANGAR	0	825	9	42,801	43,635	0	738	9	47,637	48,384	4,749
003	ARAU	50	49	2	39,660	39,761	50	80	2	41,692	41,824	2,063
004	LANGKAWI	34	397	2	29,077	29,510	264	451	2	34,321	35,038	5,528
005	JERLUN	0	43	3	45,210	45,256	0	34	3	50,035	50,072	4,816
006	KUBANG PASU	778	488	3	51,990	53,259	987	425	3	58,785	60,200	6,941
007	PADANG TERAP	0	186	0	35,097	35,283	0	206	0	39,808	40,014	4,731
008	POKOK SENA	2,490	542	10	66,539	69,581	2,472	524	11	74,151	77,158	7,577
009	ALOR STAR	0	507	13	58,431	58,951	0	461	12	65,278	65,751	6,800
010	KUALA KEDAH	0	66	11	83,055	83,132	0	49	8	91,480	91,537	8,405
011	PENDANG	0	153	3	60,910	61,066	0	137	2	66,892	67,031	5,965
012	JERAI	5	222	9	65,150	65,386	1	205	9	70,985	71,200	5,814
013	SIK	938	181	0	39,016	40,135	0	176	1	44,344	44,521	4,386
014	MERBOK	3,669	42	7	60,794	64,512	4,708	261	6	72,718	77,693	13,181
015	SUNGAI PETANI	0	443	16	76,009	76,468	0	250	15	86,656	86,921	10,453
016	BALING	0	273	6	78,066	78,345	0	265	6	89,156	89,427	11,082
017	PADANG SERAI	0	97	5	59,445	59,547	0	86	5	68,815	68,906	9,359
018	KULIM-BANDAR BAHARU	0	1,615	9	50,154	51,778	0	1,781	8	56,671	58,460	6,682
019	TUMPAT	0	320	4	80,727	81,051	0	448	4	91,174	91,626	10,575

020	PENKALAN CHEPA	1,622	801	3	50,763	53,189	1,563	1,274	3	57,425	60,265	7,076
021	KOTA BHARU	0	746	7	67,617	68,370	0	698	7	76,575	77,280	8,910
022	PASIR MAS	0	257	0	60,125	60,382	0	326	0	67,505	67,831	7,449
023	RANTAU PANJANG	0	105	2	45,067	45,174	0	95	2	49,043	49,140	3,966
024	KUBANG KERIAN	0	49	4	54,693	54,746	0	71	3	61,232	61,306	6,560
025	BACHOK	0	152	3	65,672	65,827	0	202	3	76,088	76,293	10,466
026	KETEREH	3,389	30	0	49,199	52,618	3,096	44	0	54,996	58,136	5,518
027	TANAH MERAH	0	202	1	44,840	45,043	0	239	1	52,067	52,307	7,264
028	PASIR PUTEH	0	170	1	63,858	64,029	0	240	0	71,705	71,945	7,916
029	MACHANG	13	137	0	49,610	49,760	27	190	0	56,106	56,323	6,563
030	JELI	2,372	261	0	33,864	36,497	2,312	291	0	38,317	40,920	4,423
031	KUALA KRAI	0	210	0	52,252	52,462	0	241	0	58,674	58,915	6,453
032	GUA MUSANG	0	162	0	28,860	29,022	0	160	0	36,480	36,640	7,618
033	BESUT	626	277	2	57,289	58,194	1,007	288	2	67,550	68,847	10,653
034	SETIU	0	155	1	54,288	54,444	0	155	1	64,554	64,710	10,266
035	KUALA NERUS	561	779	0	59,967	61,307	736	885	0	71,126	72,747	11,440
036	KUALA TERENGGANU	27	999	6	79,387	80,419	12	1,061	3	89,916	90,992	10,573
037	MARANG	271	213	9	74,272	74,765	191	230	7	86,023	86,451	11,686
038	HULU TERENGGANU	0	201	4	52,297	52,502	0	204	2	60,724	60,930	8,428
039	DUNGUN	6	312	8	64,512	64,838	3	332	6	74,657	74,998	10,160
040	KEMAMAN	9	499	1	74,914	75,423	4	472	1	87,848	88,325	12,902
041	KEPALA BATAS	0	527	0	42,477	43,004	0	653	0	47,952	48,605	5,601
042	TASEK GELUGOR	1,903	96	4	42,313	44,316	1,872	90	3	48,546	50,511	6,195
043	BAGAN	0	139	4	59,159	59,302	0	180	4	65,499	65,683	6,381

044	PERMATANG PAUH	0	490	1	58,280	58,771	0	606	1	67,178	67,785	9,014
045	BUKIT MERTAJAM	0	89	4	64,214	64,307	0	62	4	74,598	74,664	10,357
046	BATU KAWAN	0	137	2	47,434	47,573	0	161	2	53,682	53,845	6,272
047	NIBONG TEBAL	0	372	0	47,673	48,045	0	450	0	54,508	54,958	6,913
048	BUKIT BENDERA	427	439	6	63,395	64,267	447	530	6	68,142	69,125	4,858
049	TANJONG	44	911	0	51,580	52,535	68	871	1	50,306	51,246	-1,289
050	JELUTONG	0	766	4	60,286	61,056	0	933	4	67,684	68,621	7,565
051	BUKIT GELUGOR	15	116	10	65,721	65,862	18	93	10	77,434	77,555	11,693
052	BAYAN BARU	1,641	351	11	59,520	61,523	2,116	385	13	71,331	73,845	12,322
053	BALIK PULAU	0	494	0	39,161	39,655	0	694	1	45,873	46,568	6,913
054	GERIK	1,570	1,218	2	23,604	26,394	2,281	1,181	2	27,359	30,823	4,429
055	LENGGONG	0	66	5	23,147	23,218	0	74	5	26,542	26,621	3,403
056	LARUT	0	177	3	39,532	39,712	0	202	2	44,561	44,765	5,053
057	PARIT BUNTAR	0	80	7	45,005	45,092	0	89	8	49,659	49,756	4,664
058	BAGAN SERAI	0	179	2	46,795	46,976	0	252	2	52,655	52,909	5,933
059	BUKIT GANTANG	0	128	8	55,731	55,867	0	120	7	67,553	67,680	11,813
060	TAIPING	3,070	509	14	62,480	66,073	4,441	478	13	70,071	75,003	8,930
061	PADANG RENGAS	0	41	5	24,452	24,498	0	37	4	27,630	27,671	3,173
062	SUNGAI SIPUT	0	212	4	47,227	47,443	0	176	3	50,522	50,701	3,258
063	TAMBUN	0	2,478	10	67,049	69,537	0	2,743	8	80,504	83,255	13,718
064	IPOH TIMOR	1,968	390	110	74,319	76,787	2,565	433	104	77,036	80,138	3,351
065	IPOH BARAT	763	1,325	59	67,990	70,137	545	1,447	55	72,561	74,608	4,471
066	BATU GAJAH	129	465	20	77,002	77,616	216	556	19	83,333	84,124	6,508
067	KUALA KANGSAR	0	358	3	27,933	28,294	0	334	2	31,519	31,855	3,561
068	BERUAS	0	95	4	43,314	43,413	0	111	3	47,668	47,782	4,369

069	PARIT	121	190	2	28,572	28,885	134	321	2	31,838	32,295	3,410
070	KAMPAR	0	303	16	59,206	59,525	0	272	16	62,238	62,526	3,001
071	GOPENG	461	165	50	74,717	75,393	864	150	44	89,652	90,710	15,317
072	TAPAH	597	1,303	15	36,139	38,054	690	1,302	15	41,905	43,912	5,858
073	PASIR SALAK	0	104	2	42,782	42,888	0	107	2	49,281	49,390	6,502
074	LUMUT	11,869	460	11	60,229	72,569	13,707	547	5	69,968	84,227	11,658
075	BAGAN DATOK	0	72	1	34,511	34,584	0	65	1	38,034	38,100	3,516
076	TELOK INTAN	0	308	7	52,238	52,553	0	442	5	57,270	57,717	5,164
077	TANJONG MALIM	54	326	19	53,409	53,808	24	301	18	61,140	61,483	7,675
078	CAMERON HIGHLANDS	0	255	13	23,250	23,518	0	231	12	27,100	27,343	3,825
079	LIPIS	589	357	3	27,464	28,413	717	372	3	29,854	30,946	2,533
080	RAUB	18	216	8	46,406	46,648	26	303	7	51,679	52,015	5,367
081	JERANTUT	20	252	0	48,706	48,978	39	283	0	55,153	55,475	6,497
082	INDERA MAHKOTA	1,173	1,237	6	49,051	51,467	1,681	1,123	7	57,081	59,892	8,425
083	KUANTAN	224	715	8	47,017	47,964	224	1,038	6	51,879	53,147	5,183
084	PAYA BESAR	0	63	1	39,973	40,037	0	65	0	45,657	45,722	5,685
085	PEKAN	4,967	241	9	53,802	59,019	6,304	284	7	70,992	77,587	18,568
086	MARAN	0	159	0	32,754	32,913	0	200	2	36,100	36,302	3,389
087	KUALA KRAU	0	56	3	34,205	34,264	0	43	2	40,420	40,465	6,201
088	TEMERLOH	1,811	383	4	52,236	54,434	2,504	384	3	59,172	62,063	7,629
089	BENTONG	565	340	11	52,809	53,725	635	309	10	58,466	59,420	5,695
090	BERA	0	174	5	43,070	43,249	0	195	5	48,279	48,479	5,230
091	ROMPIN	272	296	1	42,059	42,628	209	333	1	48,474	49,017	6,389
092	SABAK BERNAM	14	43	1	30,592	30,650	5	38	1	36,317	36,361	5,711
093	SUNGAI BESAR	0	273	1	34,516	34,790	0	299	1	40,539	40,839	6,049

094	HULU SELANGOR	190	656	7	63,188	64,041	172	722	5	78,623	79,522	15,481
095	TANJONG KARANG	0	29	2	36,233	36,264	0	20	2	40,549	40,571	4,307
096	KUALA SELANGOR	0	324	0	47,284	47,608	0	268	0	57,423	57,691	10,083
097	SELAYANG	169	409	24	80,325	80,927	143	760	19	96,194	97,116	16,189
098	GOMBAK	123	249	63	99,593	100,028	80	213	57	115,145	115,495	15,467
099	AMPANG	0	424	36	69,138	69,598	0	553	40	78,472	79,065	9,467
100	PAN DAN	0	81	19	65,357	65,457	0	93	17	78,522	78,632	13,175
101	HULU LANGAT	0	3,195	13	88,892	92,100	0	4,148	14	111,272	115,434	23,334
102	SERDANG	65	120	30	96,318	96,533	49	206	35	119,991	120,281	23,748
103	PUCHONG	344	81	15	77,243	77,683	580	296	14	96,565	97,455	19,772
104	KELANA JAYA	0	335	55	80,309	80,699	0	491	53	93,869	94,413	13,714
105	PETALING JAYA SELATAN	0	516	16	72,517	73,049	0	637	16	76,539	77,192	4,143
106	PETALING JAYA UTARA	0	120	22	76,702	76,844	0	413	20	82,014	82,447	5,603
107	SUBANG	3,574	104	32	82,361	86,071	3,092	421	29	110,294	113,836	27,765
108	SHAH ALAM	123	1,094	23	75,554	76,794	49	1,466	21	90,675	92,211	15,417
109	KAPAR	0	189	11	113,109	113,309	0	298	11	134,606	134,915	21,606
110	KLANG	56	739	4	78,077	78,876	113	902	4	89,559	90,578	11,702
111	KOTA RAJA	0	0	8	73,619	73,627	0	39	7	95,837	95,883	22,256
112	KUALA LANGAT	489	320	3	66,026	66,838	402	356	3	83,249	84,010	17,172
113	SEPANG	0	695	17	61,900	62,612	0	1,058	16	76,165	77,239	14,627
114	KEPONG	0	38	21	61,328	61,387	0	94	20	65,499	65,613	4,226
115	BATU	2,456	609	23	67,868	70,956	1,939	748	21	77,452	80,160	9,204
116	WANGSA MAJU	1,789	30	34	52,785	54,638	2,655	373	25	61,390	64,443	9,805
117	SEGAMPUT	52	4,264	104	55,833	60,253	6	3,876	79	64,671	68,632	8,379

118	SETIAWANGSA	11,771	2,408	77	42,291	56,547	9,369	3,255	50	47,192	59,866	3,319
119	TITIWANGSA	221	45	51	49,334	49,651	1,101	116	45	52,520	53,782	4,131
120	BUKIT BINTANG	2,388	3,261	18	54,214	59,881	1,907	3,055	16	51,272	56,250	-3,631
121	LEM BAH PANTAI	0	169	34	56,693	56,896	115	1,986	33	65,655	67,789	10,893
122	SEPUTEH	0	104	45	77,143	77,292	0	136	39	82,891	83,066	5,774
123	CHERAS	0	458	28	68,149	68,635	0	445	27	71,135	71,607	2,972
124	BANDAR TUN RAZAK	4,120	62	36	68,963	73,181	3,531	173	29	80,602	84,335	11,154
125	PUTRAJAYA	0	213	18	6,578	6,809	0	480	20	10,097	10,597	3,788
126	JELEBU	0	1,380	3	37,260	38,643	0	1,403	1	41,082	42,486	3,843
127	JEMPOL	0	287	2	53,404	53,693	0	374	2	61,188	61,564	7,871
128	SEREMBAN	499	959	27	83,704	85,189	560	1,093	24	93,445	95,122	9,933
129	KUALA PILAH	0	294	6	41,874	42,174	0	284	5	45,378	45,667	3,493
130	RASAH	1,520	567	17	70,406	72,510	2,093	567	16	79,175	81,851	9,341
131	REMBAU	629	241	10	62,864	63,744	924	358	11	72,572	73,865	10,121
132	TELOK KEMANG	6,105	408	6	53,432	59,951	6,565	1,017		58,784	66,369	6,418
133	TAMPIN	3,035	299	9	44,441	47,784	4,065	279	9	49,489	53,842	6,058
134	MASJID TAN AH	294	55	12	40,117	40,478	478	84	9	43,725	44,296	3,818
135	ALOR GAJAH	10	319	4	53,759	54,092	6	478	4	59,920	60,408	6,316
136	TANGGA BATU	10,223	56	9	49,973	60,261	11,476	76	11	57,980	69,543	9,282
137	BUKIT KATIL	162	524	8	76,137	76,831	190	853	7	91,987	93,037	16,206
138	KOTA MELAKA	0	518	19	84,302	84,839	0	694	18	88,916	89,628	4,789
139	JASIN	0	264	6	55,838	56,108	0	415	5	61,529	61,949	5,841
140	SEGAMAT	0	191	4	40,516	40,711	0	225	4	43,822	44,051	3,340
141	SEKIJANG	0	12	3	35,364	35,379	0	8	4	39,690	39,702	4,323
142	LABIS	0	55	4	33,392	33,451	0	65	4	35,846	35,915	2,464

143	PAGOH	0	95	2	40,035	40,132	0	107	1	43,424	43,532	3,400
144	LEDANG	0	122	13	58,459	58,594	0	93	12	65,771	65,876	7,282
145	BAKRI	0	1,113	8	55,789	56,910	0	1,173	6	61,857	63,036	6,126
146	MUAR	4	402	2	40,750	41,158	37	512	2	45,426	45,977	4,819
147	PARIT SULONG	0	11	0	50,167	50,178	0	7	0	54,582	54,589	4,411
148	AYER HITAM	0	72	7	34,845	34,924	0	53	6	40,688	40,747	5,823
149	SRI GADING	20	22	4	36,917	36,963	15	16	3	41,511	41,545	4,582
150	BATU PAHAT	6	318	13	70,101	70,438	24	560	13	82,402	82,999	12,561
151	SIMPANG RENGGAM	0	742	1	34,057	34,800	0	664	0	37,149	37,813	3,013
152	KLUANG	4,809	229	18	66,634	71,690	5,627	315	17	75,383	81,342	9,652
153	SEMBRONG	0	34	3	33,258	33,295	0	51	2	40,735	40,788	7,493
154	MERSING	1,805	261	0	34,476	36,542	1,772	305	0	38,854	40,931	4,389
155	TENGGARA	1,427	12	0	30,956	32,395	1,201	27	0	35,245	36,473	4,078
156	KOTA TINGGI	0	170	2	34,136	34,308	0	175	2	38,329	38,506	4,198
157	PENGERANG	1,098	45	2	31,827	32,972	972	47	2	34,520	35,541	2,569
158	TEBRAU	0	14	4	63,840	63,858	0	27	4	80,790	80,821	16,963
159	PASIR GUDANG	1,020	126	14	72,676	73,836	935	313	14	90,250	91,512	17,676
160	JOHOR BAHRU	1,317	861	29	87,416	89,623	1,330	856	25	90,920	93,131	3,508
161	PULAI	0	609	24	79,804	80,437	0	759	21	92,535	93,315	12,878
162	GELANG PATAH	66	147	12	79,736	79,961	29	562	12	96,714	97,317	17,356
163	KULAI	0	80	13	68,066	68,159	0	412	14	76,999	77,425	9,266
164	PONTIAN	0	249	6	42,931	43,186	0	143	4	47,052	47,199	4,013
165	TANJONG PIAI	0	79	3	45,752	45,834	0	233	3	49,059	49,295	3,461
166	LAB U AN	1,354	204	0	19,487	21,045	1,715	164	0	21,346	23,225	2,180
167	KUDAT	0	350	0	39,492	39,842	0	384	0	42,010	42,394	2,552

168	KOTA MARUDU	0	75	0	32,120	32,195	0	65	0	36,433	36,498	4,303
169	KOTA BELUD	45	134	0	43,188	43,367	58	127	0	46,481	46,666	3,299
170	TUARAN	0	77	0	40,998	41,075	0	116	0	43,927	44,043	2,968
171	SEPANGGAR	510	53	5	39,527	40,095	1,650	47	4	44,991	46,692	6,597
172	KOTA KINABALU	248	291	5	43,595	44,139	199	358	5	44,131	44,693	554
173	PUTATAN	3,140	17	4	31,816	34,977	3,463	16	4	32,632	36,115	1,138
174	PENAMPANG	15	1,356	1	34,998	36,370	8	1,157	1	38,968	40,134	3,764
175	PAPAR	0	87	2	32,445	32,534	0	283	2	34,555	34,840	2,306
176	KIMANIS	0	22	0	22,356	22,378	0	19	0	24,050	24,069	1,691
177	BEAUFORT	0	118	0	26,744	26,862	0	102	0	27,579	27,681	819
178	SIPITANG	0	71	0	24,370	24,441	0	122	0	26,024	26,146	1,705
179	RANAU	0	59	0	30,829	30,888	0	54	0	35,121	35,175	4,287
180	KENINGAU	0	155	0	35,519	35,674	0	125	0	37,928	38,053	2,379
181	TENOM	0	68	0	20,829	20,897	0	86	0	22,672	22,758	1,861
182	PENSIANGAN	0	6	0	19,856	19,862	0	6	0	22,738	22,744	2,882
183	BELURAN	0	96	0	19,113	19,209	0	81	0	22,023	22,104	2,895
184	LIBARAN	550	0	5	30,945	31,500	658	0	4	35,465	36,127	4,627
185	BATU SAPI	577	982	0	24,328	25,887	758	950	0	25,848	27,556	1,669
186	SANDAKAN	24	272	3	32,606	32,905	27	229	3	34,433	34,692	1,787
187	KINABATANGAN	0	81	0	19,600	19,681	0	80	0	22,047	22,127	2,446
188	SI LAM	0	753	0	42,825	43,578	0	704	0	45,604	46,308	2,730
189	SEMPORNA	311	341	0	34,710	35,362	273	468	0	37,145	37,886	2,524
190	TAWAU	95	0	1	43,410	43,506	81	0	1	46,879	46,961	3,455
191	KALABAKAN	1,015	939	0	34,579	36,533	1,145	840	0	37,691	39,676	3,143
192	MAS GADING	0	114	0	21,954	22,068	0	97	0	23,817	23,914	1,846

193	SANTUBONG	11	100	0	30,730	30,841	43	91	0	33,771	33,905	3,064
194	PETRA JAYA	27	605	6	40,441	41,079	22	566	5	45,714	46,307	5,228
195	BANDAR KUCHING	611	645	2	51,459	52,717	1,370	620	2	51,959	53,951	1,234
196	STAMPIN	2,110	871	9	66,455	69,445	3,254	891	11	76,708	80,864	11,419
197	KOTA SAMARAHAN	2,863	112	2	25,921	28,898	3,878	95	2	29,941	33,916	5,018
198	MAMBONG	0	472	0	35,873	36,345	0	431	0	38,853	39,284	2,939
199	SERIAN	0	149	0	28,040	28,189	0	130	1	30,728	30,859	2,670
200	BATANG SADONG	0	70	0	16,783	16,853	0	92	0	17,887	17,979	1,126
201	BATANG LUPAR	0	6	0	22,670	22,676	0	8	0	24,159	24,167	1,491
202	SRI AMAN	702	350	1	24,606	25,659	828	274	1	26,523	27,626	1,967
203	LUBOKANTU	0	44	1	17,207	17,252	0	49	1	18,327	18,377	1,125
204	BETONG	0	85	0	22,389	22,474	0	92	0	24,332	24,424	1,950
205	SARATOK	0	90	0	23,920	24,010	0	104	0	25,518	25,622	1,612
206	TANJONG MANIS	0	3	0	17,025	17,028	0	3	0	17,838	17,841	813
207	IGAN	0	47	0	15,596	15,643	0	33	0	16,239	16,272	629
208	SARIKEI	0	288	0	31,977	32,265	0	286	0	34,643	34,929	2,664
209	JULAU	0	54	0	20,313	20,367	0	52	0	20,936	20,988	621
210	KANOWIT	0	51	0	17,507	17,558	0	58	0	18,166	18,224	666
211	LANANG	0	604	0	49,634	50,238	0	594	1	53,922	54,517	4,279
212	SIBU	1,975	621	0	51,549	54,145	2,551	653	0	58,670	61,874	7,729
213	MUKAH	0	94	0	22,968	23,062	0	128	0	24,352	24,480	1,418
214	SELANGAU	0	16	0	20,096	20,112	0	34	0	22,536	22,570	2,458
215	KAPIT	0	87	0	22,723	22,810	180	118	0	24,277	24,575	1,765
216	HULU RAJANG	0	21	1	18,017	18,039	0	37	1	19,996	20,034	1,995
217	BINTULU	13	144	1	50,780	50,938	0	108	1	55,250	55,359	4,421

218	SIBUTI	0	12	2	22,748	22,762	0	10	2	26,161	26,173	3,411
219	MIRI	645	664	3	56,647	57,959	770	567	4	62,565	63,906	5,947
220	BARAM	0	48	1	24,880	24,929	0	52	0	27,067	27,119	2,190
221	LIMBANG	0	231	4	20,374	20,609	0	232	4	22,799	23,035	2,426
222	LAWAS	0	91	1	15,921	16,013	0	92	1	17,436	17,529	1,516
JUMLAH KESELURUHAN		131,154	81,601	1,944	10,769,218	10,983,917	147,681	94,613	1,759	12,208,293	12,452,346	1,468,429

No. Soalan:[29]

PR-1251-L47191

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN TENGBOON SOON [
TEBRAU]

TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
apakah hasilnya Persidangan Antarabangsa
Gerakan Kesederhanaan Global. Bagaimana
penubuhan institusi, kesederhanaan negara
dan tabung kesederhanaan antarabangsa
akan memanfaatkan Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Batang Sadong bertarikh 21 Mac 2012 yang menyentuh perkara yang sama.

2. Konsep kesederhanaan dalam Pergerakan Kesederhanaan Global atau *Global Movement of Moderates* (GMM) yang diketengahkan oleh Y.A.B Perdana Menteri sejak September 2010 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah diterima dan mendapat sambutan baik di peringkat antarabangsa, samada dari negara-negara maju mahupun negara-negara membangun.

3. Di antara negara-negara yang telah menyatakan sokongan mereka secara terbuka terhadap GMM ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Denmark, Perancis, Portugal, Itali, Switzerland, Hungary, Austria, Slovakia, Latvia, Thailand, China, Korea Selatan, Indonesia, Filipina, India, Malta, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Arab Saudi, Tanzania, Namibia dan Kenya. Malah, Pope Benedict XVI juga telah menyuarakan sokongan terhadap GMM.

4. Selain itu, organisasi serantau seperti ASEAN; mesyuarat-mesyuarat antarabangsa di peringkat Ketua Kerajaan seperti Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM); serta institusi-institusi akademik terkemuka seperti *Oxford Centre of Islamic Studies* di United Kingdom dan *East-West Center* di Hawaii telah menyatakan sokongan terbuka mereka terhadap konsep GMM.

5. Sambutan baik dan sokongan terbuka masyarakat antarabangsa ke atas GMM, bukan sahaja dari negara-negara luar, tetapi juga dari golongan cendekiawan, badan bukan kerajaan dan individu membuktikan bahawa GMM telah diterima sebagai amalan antarabangsa yang boleh dipraktikkan dalam pelbagai situasi dan bidang bagi mencapai keamanan, keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Persidangan ulung Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global yang berlangsung dari 17 hingga 19 Januari 2012 di Kuala Lumpur telah menerima sambutan yang amat baik. Seramai lebih 500 peserta dari serata dunia telah menghadiri Persidangan ini yang terdiri dari pemimpin-pemimpin kerajaan, para cendekiawan, badan-badan bukan kerajaan, organisasi-organisasi antarabangsa, tokoh-tokoh korporat, diplomat-diplomat asing, pemimpin-pemimpin agama dan

aktivis-aktivis sosial.

7. Hasil dari Persidangan ini, satu Yayasan GMM telah ditubuhkan, bertujuan sebagai pusat mengumpul dan menyebarkan maklumat dan bahan-bahan kempen bagi mengatasi fahaman ekstremis. Sebuah Institut Wasatiyyah juga telah ditubuhkan sebagai sebahagian dari Pejabat Perdana Menteri bagi mempromosi dan memperjuangkan kesederhanaan dan keseimbangan di dalam semua aspek, seperti demokrasi, undang-undang, pendidikan, kemanusiaan dan keadilan sosial. Selain itu, sebuah Kerusi Akademik akan diadakan di Universiti Malaya bagi menggalakkan lebih ramai golongan cendekiawan mengkaji subjek kesederhanaan.

8. Melalui penubuhan Yayasan GMM, Institut Wasatiyyah dan Kerusi Akademik ini, konsep kesederhanaan akan disebarkan secara lebih meluas dan mendalam kepada pelbagai golongan masyarakat, samada di dalam mahupun di luar negara ke arah mencapai keamanan dan kesejahteraan sejagat. Bagi negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, konsep kesederhanaan dapat menghasilkan persefahaman, toleransi, tolak ansur dan perbincangan, bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan. Seperti yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 13 Mac 2012, Malaysia memperjuangkan konsep kesederhanaan melalui GMM bukan sahaja dalam konteks membina sebuah negara bangsa yang lebih harmoni dan lebih bersatu padu, tetapi juga sebagai satu bentuk pendekatan yang boleh membawa penyelesaian kepada soal keamanan sejagat.

9. Yayasan GMM telah diberi mandat untuk mempromosi GMM dan kini sedang merangka aktiviti tahunannya. Selain itu, Kerajaan kekal aktif dalam mempromosi konsep kesederhanaan dan GMM melalui pelbagai platform serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Mesyuarat Asia-Eropah, Gerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), serta melalui hubungan dua hala dengan pelbagai negara.

Sekian, terima kasih.

/V/0 . ioACAW; Jo
NO AUM—^-25-

M0-Ayp-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

LISAN

PERTANYAAN

TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

DARIPADA

21 MAC 2012

TARIKH

4466

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI**

menyatakan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri di setiap negeri yang memiliki lesen senjata api dari tahun 2002 ke 2012 berdasarkan pecahan tahunan. Senaraikan:-

- (a) nama wakil rakyat yang tersebut; dan
- (b) nama wakil rakyat di mana lesen tersebut ditarik balik dan alasannya.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berkaitan dengan lesen senjata api yang dimiliki oleh Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi tempoh sepuluh (10) tahun iaitu dari tahun 2002 hingga 2012, Kementerian telah mengeluarkan sebanyak 220 lesen senjata api bagi tujuan menjaga keselamatan diri, keluarga dan harta benda dengan syarat selama menjadi ADUN atau Ahli Parlimen sahaja.

Dalam tempoh berkenaan juga sebanyak 39 lesen senjata api telah dibatalkan. Diantara sebab-sebab pembatalan lesen berkenaan adalah pelesen tidak lagi menjadi wakil rakyat dan permohonan untuk mengubah syarat pemilikan senjata api tersebut kepada pemilikan peribadi secara kekal tidak diluluskan.

NO.SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED

TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN:

YB Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan kenaikan elaun RELA baru-baru ini, adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kenaikan yang sama bagi badan-badan sukarela yang lain seperti Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan pasukan Askar Wataniah.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Kenaikan kadar Elaun Kehadiran Latihan Tempatan kepada anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) masih dalam pertimbangan Kerajaan. Oleh itu, cadangan pemanjangan elaun ini kepada badan-badan sukarela yang lain seperti Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

(JPAM) dan Pasukan Askar Waitaniah adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

**21 MAC 2012 (RABU)
NO. 32**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

menyatakan kadar tarif elektrik untuk kegunaan domestik, perniagaan dan perindustrian dari tahun 1990 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kadar tarif elektrik telah disemak berulang kali daripada tahun 1990 sehingga sekarang berikutan kenaikan kos pembekalan elektrik dan harga bahan api gas, minyak dan arang batu di pasaran antarabangsa. Oleh yang demikian, purata tarif elektrik keseluruhan dari tahun 1990 hingga sekarang adalah antara 17.95sen/kWj hingga 33.54sen/kWj. Kadar purata tarif elektrik keseluruhan bagi tempoh 6 tahun terakhir adalah seperti berikut:

- i. Tahun 2006 : 26.2sen/kWj
- ii. Tahun 2008 : 32.5sen/kWj
- iii. Tahun 2009 : 31.31 sen/kWj; dan
- iv. Tahun 2011 : 33.54sen/kWj.

Purata tarif elektrik untuk kegunaan domestik, perniagaan dan perindustrian dari tahun 1990 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Tahun	Purata Tarif Keseluruhan	Tarif Domestik	Tarif Perniagaan	Tarif Industri
	sen/kWj			
1990	17.95	21.21	22.92	13.86
1991	17.99	21.33	22.99	14.07
1992	18.07	21.31	22.83	14.49
1993	18.91	21.30	23.00	16.14
1994	18.56	20.68	22.49	15.98
1995	19.68	21.31	23.31	17.42
1996	20.79	20.50	24.50	19.00
1997	22.17	21.59	26.55	20.28
2006	26.20	24.70	30.80	23.80
2008	32.50	28.10	38.90	30.10
2009	31.31	27.39	37.85	28.56
2011	33.54	28.63	41.01	30.94

NO. SOALAN:33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]

TARIKH : 21 MAC 2012

SOALAN

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap keberkesanan MIGHT dan agensi-agensi

pelaksana pembangunan teknologi tinggi dan inovasi di dalam menggerakkan dasar pemodenan industri negara pada waktu ini dan apakah strategi Kerajaan di dalam memastikan tahap teknologi dan inovasi negara berkembang pada tahap yang maksima.

JAWAPAN

Dasar perindustrian Negara yang merangkumi pembangunan industri teknologi tinggi Negara sejak tahun 1980an telah memberi impak yang signifikan kepada pembangunan dan ekonomi Negara. Dalam mendukung usaha ini, MIGHT dengan usahasama lain-lain agensi yang berkepentingan telah menyumbang dalam memangkin pembangunan industri teknologi tinggi Negara. Perlu ditekankan bahawa bagi mencapai hasrat negara untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang berteraskan inovasi dan berdaya saing, pembangunan teknologi tinggi amat berperanan besar dan kritikal bagi memacu serta menjana pertumbuhan ekonomi yang berganda (*multiplier effect*) dan mampan bagi jangka panjang. Strategi industri negara khususnya pembangunan industri tempatan yang berdaya saing tinggi (DDI) yang didukung oleh pembangunan & penyelidikan (R&D) dan pembangunan modal insan merupakan input yang kritikal bagi mencetus industri nilai tambah tinggi bagi memperkukuhkan prestasi ekonomi Negara, meningkatkan produktiviti dan seterusnya menghasilkan pekerjaan berpendapatan tinggi, pertambahan gaji, dan peningkatan taraf hidup. Hasil daripada dasar dan inisiatif yang telah dilaksanakan, Malaysia telah berkembang menjadi antara pengeksport produk teknologi tinggi yang signifikan. Pada tahun 2009, 47% daripada jumlah eksport pembuatan negara adalah merupakan eksport teknologi tinggi yang bernilai USD51.6 bilion.

Bagi memperkukuhkan lagi industri teknologi tinggi negara yang berdaya saing di peringkat global, Kerajaan telah memantapkan lagi strategi pembangunan industri dan keupayaan teknologi Negara. Pembangunan Industri teknologi tinggi memerlukan satu ekosistem industri dan R&D yang bersepadu bagi menjana impak tinggi. Bagi memastikan ekosistem yang kondusif dan menyeluruh, beberapa program strategik telah dilaksanakan, merangkumi pembangunan modal insan, R&D, pengukuhan proses pembangunan teknologi dan kolaborasi strategik di peringkat antarabangsa, dengan usahasama serta jalinan rapat dengan pihak Kerajaan dan agensi yang berkepentingan termasuk MIDA, MOSTI, KETTHA, MOHE dan juga Industri.

- Dalam aspek pengukuhan proses pembangunan teknologi, Program *Foresight, Offset Management* melalui program perolehan strategik dan penilaian R&D telah dilaksanakan dan telah memberi keberkesanan kepada usaha-usaha pembangunan teknologi tinggi Negara.
 - o *Foresight* amat penting bagi memastikan halatuju serta senario jangka panjang dalam industri dan teknologi akan

dapat dimanfaatkan dengan sistematik dan bersepadu dalam proses pembangunan negara khususnya dalam membantu usaha penggubalan polisi bagi tujuan membuat keputusan (*decision making*) yang dijangka memberi kesan jangka pendek hingga jangka panjang. Ia juga amat penting bagi memastikan pengagihan sumber negara yang optimal dalam pembangunan industri, R&D, tenaga insan dan amat penting, dasar pelajaran. Laporan *National Technology Foresight* pertama yang telah dilaksanakan di bawah anjuran MOSTI pada tahun 2010 amat penting bagi memastikan pengfokusan dan kesinambungan aktiviti R&D bagi tujuan penguasaan teknologi dan kompetensi yang Negara untuk jangka panjang.

- o Bagi Program *Pengurusan Offset* yang mana MIGHT bertindak selaku *Technology Depository Agency* (TDA) yang menguruskan Program *Offset* Negara bagi perolehan Kerajaan, usaha dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan industri tempatan (DDI) melalui perolehan teknologi, pembangunan kapasiti & kapabiliti, pembangunan kandungan tempatan dan peluasan pasaran di peringkat domestik dan global.
- o Bagi membangunkan industri tempatan yang berdayasaing di peringkat global, peningkatan aktiviti R&D swasta amat penting bagi meningkatkan industri nilai tambah tinggi yang akan memberi impak terus kepada KDNK negara. Dalam konteks ini, penyertaan dan pelaburan sektor swasta/industri dalam R&D perlu dipertingkatkan melalui program kolaborasi R&D berimpak tinggi yang melibatkan industri, universiti dan institusi penyelidikan tempatan. Dalam industri aeroangkasa, bagi memastikan Malaysia terus berdaya saing dalam rangkaian global, MIGHT telah menubuhkan *Aerospace Malaysia Innovation Centre* (AMIC) melalui kerjasama penyelidikan yang berorientasikan pasaran (*market-oriented R&D*) di antara syarikat aeroangkasa global (OEM) seperti

EADS, Airbus, syarikat tempatan dan juga universiti. Bagi mengukuhkan pengurusan teknologi dan R&D negara, MIGHT dengan kerjasama MOSTI telah pun menjalankan Projek Perintis Program Penilaian R&D Negara (MyNES) bagi meningkatkan

keberkesanan dan relevansi aktiviti R&D negara bagi memangkin pertumbuhan industri atau aplikasi baru melalui aktiviti pengkomersilan, seterusnya menjana pulangan pelaburan yang lebih tinggi kepada Negara.

- Dalam pembangunan modal insan, program pembangunan modal insan (*bridging program*) bagi memenuhi keperluan industri teknologi tinggi tempatan dilaksanakan oleh *Advanced Manufacturing Institute* (AMI) di bawah MIGHT. Program TESSDE (*Technology Specialist in Domain Expertise*) yang dijalankan dibawah TalentCorp oleh MIGHT meliputi program latihan bagi 8 bidang industri teknologi tinggi termasuk aeroangkasa, maritim, automotif, bahan termaju, teknologi nano, tenaga diperbaharui, elektrik & elektronik, bioteknologi, minyak & gas, telekomunikasi dan pembuatan termaju.
- Dalam pengukuhan jalinan kerjasama antarabangsa, Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) telah ditubuhkan sebagai platform penasihat antarabangsa bagi Sains, Teknologi dan Inovasi bagi tujuan memantapkan lagi kolaborasi strategik dengan pemain sains and teknologi luar negara, menambah nilai kepada inisiatif-inisiatif transformasi ekonomi dan pembangunan modal insan sediaada di Malaysia dan seterusnya, menjana dan meningkatkan hubungan perdagangan dua hala serta nilai pelaburan. Usaha awal daripada inisiatif ini dalam bidang tenaga diperbaharui ini ialah penubuhan MyBiomass Sdn Bhd di bawah

inisiatif *GS/AC* sebagai pusat pengumpulan bekalan biomass atau sisa sawit dan pusat demonstrasi/industri bersepadu bagi penghasilan produk kimia bernilai tinggi (*high value chemical*) bagi pertumbuhan industri-industri hiliran baru (*downstream activities*). Dengan usahasama rapat dengan MIDA dan lain agensi berkepentingan, inisiatif ini bertujuan mewujudkan industri tempatan yang berdayasaing dalam rangkaian pasaran global.

Tuan Yang Di Pertua,

Tahap keberkesanan MIGHT sebagai sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, yang turut bertindak sebagai unit sokongan kepada Penasihat Sains Kepada Perdana Menteri, dengan mandat bagi membangunkan industri teknologi tinggi negara, dapat dilihat melalui pencapaiannya sejak beberapa dekad. Industri aeroangkasa Negara yang bermula dengan *Foresight* Pelan Halatuju Aeroangkasa Negara yang dihasilkan oleh MIGHT pada tahun 1997, telah memberi sumbangan signifikan kepada pertumbuhan KDNK Negara. Kontrak berjumlah RM2.7 bilion telah dijana kepada industri tempatan, CTRM, oleh syarikat aeroangkasa global. MIGHT dengan MIDA telah berhasil membawa masuk FDI melebihi RM800 juta, termasuklah pelaburan *Spirit AeroSystems* dari Amerika Syarikat yang berjumlah RM270 juta selain mewujudkan sebanyak 450 peluang pekerjaan di dalam industri aeroangkasa tempatan untuk rakyat.

Bagi sektor automotif pula, MIGHT dengan kerjasama MITI dan penggembelangan kesatuan industry automotif, telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan *Malaysia Automotive Institute* (MAI), yang berfungsi sebagai pusat tumpuan dan penyelarasan bagi pembangunan industri

automotif Negara, di bawah MITI.

MIGHT juga sedang memajukan sektor maritim negara melalui penyediaan Pelan Strategik Industri Pembinaan dan Pembaikan Kapal yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu *Langkawi International Maritime & Aerospace Exhibition* (LIMA) pada Disember lalu, bagi membolehkan industri pembinaan dan pembaikan kapal negara menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM19.09 bilion menjelang tahun 2020.

Dalam bidang teknologi baru, MIGHT dengan kerjasama KETTHA, MOSTI, MITI dan industri, melaksanakan projek pemangkin bagi membangunkan industri baru dan masa hadapan khususnya dalam bidang *renewable energy*, *advance materials* dan *advance electronics*. Dengan kerjasama UNIDO, MIGHT bersama-sama KETTHA, MOSTI, MOHE, Technology Park Malaysia dan Proton sedang melaksanakan Projek Demonstrasi *Hydrogen Energy* bagi menyediakan keupayaan Malaysia dalam bidang ini pada masa hadapan.

Tuan Yang Di Pertua,

Secara kesimpulannya, usaha membangunkan industri teknologi tinggi negara memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan tidak boleh dilaksanakan secara *fragmented* atau *silo*, lanya hanya dapat dijayakan melalui kerjasama rapat yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta. MIGHT yang mendokong prinsip perkongsian bestari sentiasa bekerjasama rapat dengan lain-lain agensi yang turut memikul tanggungjawab membangunkan industri teknologi tinggi seperti

MIDA, *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC), SIRIM Berhad, Agensi Inovasi Malaysia (AIM), *Technology Park Malaysia*, MIMOS, dalam usaha besar membangunkan teknologi tinggi Negara yang berimpak tinggi.

Justeru itu, bagi memastikan keberkesanan dan kesinambungan pembangunan industri teknologi tinggi yang berkesan bagi pembangunan yang mampan, pengwujudan satu Tabung Pembangunan Teknologi Tinggi (*High Technology Fund*) yang menfokuskan kepada pembangunan kluster industry tempatan, akan dapat memastikan mandat besar ini dapat dilaksanakan dengan lebih berimpak tinggi, bagi memastikan tahap teknologi dan inovasi negara berkembang pada tahap yang maksima, justeru merealisasikan aspirasi Negara sebagai ekonomi berpendapatan tinggi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG]

TARIKH 21 MAC 2012 34

SOALAN **Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kenderaan yang didaftarkan di negara ini dan adakah Kerajaan bercadang mengehendkan bilangan kenderaan yang boleh dijual atau dimiliki setiap individu seperti dilakukan di beberapa negara maju bagi mengurangkan kesesakan jalan raya dan menjaga alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kenderaan yang didaftarkan di Malaysia sehingga 31 Disember 2011 adalah sebanyak 21,401,269 buah dengan purata pendaftaran kenderaan baru bagi setiap tahun adalah sebanyak 1.1 juta. Sehingga kini, belum ada sebarang rancangan daripada pihak Kerajaan untuk menghadkan bilangan kenderaan yang boleh dijual atau dimiliki oleh individu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
[PENGGERANG]**

TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN:

DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID (PENGGERANG) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah dan kaedah yang diambil berhubung masalah yang dibangkitkan berkenaan lebih 3.73 juta rakyat negara ini yang berumur 21 tahun ke atas dan masih belum mendaftar sebagai pemilih.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia sentiasa berusaha untuk menggalakkan pendaftaran pemilih di kalangan warganegara yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemilih mendaftar sebagai pemilih dan pendaftaran pemilih boleh dibuat sepanjang tahun. Bagi melaksanakan urusan pendaftaran pemilih, SPR menyediakan pelbagai saluran pendaftaran untuk memudahkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih, menyemak maklumat pendaftaran mereka dan memaklumkan SPR berhubung maklumat kematian pemilih. Permohonan pendaftaran baru dan pendaftaran tukar alamat pusat mengundi boleh dibuat di kaunter statik SPR di Ibu Pejabat SPR dan di semua Pejabat Pilihan Raya, di 704 kaunter pejabat pos di seluruh negara, melalui lebih 9,501 Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik daripada wakil pelbagai parti politik, wakil di jabatan- jabatan kerajaan, wakil pelbagai pertubuhan bukan kerajaan dan wakil di universiti tempatan, kolej universiti dan

SOALAN NO.36

kolej.

Selain itu, SPR juga melaksanakan Program-Program *Outreach* untuk memberikan kemudahan pendaftaran melalui Pejabat-
Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) di tempat-tempat tumpuan orang ramai dan pada Januari - Februari, 2012 sebanyak 226 program *Outreach* telah dilaksanakan oleh PPN seperti yang berikut:

- (i) Kawasan penempatan penduduk;
- (ii) Pasar raya/ Pusat membeli-belah/ Pasar malam/ Pusat rekreasi/ Kilang;
- (iii) Pejabat-pejabat Kerajaan/ swasta;
- (iv) Institut pengajian tinggi awam dan swasta/ Pusat-pusat latihan; dan
- (v) Parti politik/ Pertubuhan bukan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARL1MEN KE-12, 2012

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan PERTANYAAN LISAN
Daripada Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor]
Tarikh Menjawab 21 Mac 2012 (Rabu)
Soalan No. 36 (PR-1251-L48265)

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sehingga kini syarikat-syarikat Perladangan Kelapa Sawit yang telah melabur di Luar Negara dalam penanaman Kelapa Sawit dan apakah insentif dan juga bantuan-bantuan yang di salurkan kepada mereka untuk membantu mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga kini, sebanyak 29 buah syarikat perladangan Malaysia telah melabur di luar negara dengan keluasan kawasan tanaman mencapai 900,000 hektar. Negara-negara utama pelaburan bagi pembangunan tanaman sawit adalah di Indonesia, Liberia, Papua New Guinea dan Solomon Island.

Insentif-insentif yang disediakan kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur diluar negara adalah seperti berikut:

- (i) Pengurangan Cukai ke Atas Pendapatan Diperolehi di Luar Negara
(*Tax Abatement on Income Earned Overseas*)

Pengecualian diberikan bagi jumlah pendapatan yang diperolehi luar dari Malaysia dan diterima di Malaysia. Insentif ini adalah tidak termasuk urusan perbankan, insurans serta pengangkutan laut dan udara.

- (ii) Pengurangan Cukai bagi Perbelanjaan Pra-Operasi (*Tax Deduction for Pre-operating Expenses*)

Insentif ini adalah bagi permohonan pelaburan dalam perniagaan di luar Negara dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

- (iii) Pemilikan ke Atas Syarikat Asing (*Acquisition of Foreign-Owned Companies*)

Insentif menawarkan pembayaran balik bagi kos pemilikan bagi tempoh 5 tahun.

SOALAN NO: 37

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. TUAN MANOGARAN A/L
MARIMUTHU [TELOK INTAN]**

TARIKH

RABU, 21 MAC 2012

RUJUKAN

03 [PR-1251-L47973]

SOALAN

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan terdapat kekurangan padang serta tempat bersenam dan melakukan aktiviti sukan di keseluruhan Kuala Lumpur. Ini kerana kebanyakan padang-padang telah digunakan bagi tujuan pembangunan seperti mendirikan bangunan komersial serta kondominium. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan warga kota disediakan dengan padang dan tempat bersenam untuk melakukan aktiviti sukan demi kepentingan kesihatan serta mendorong anak-anak muda bersukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Telok Intan, berdasarkan rekod, bagi padang-padang bola sepak dan padang- padang awam kepunyaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (yang telah digazetkan sebagai padang) tidak pernah digunakan untuk tujuan komersil/pembangunan seperti yang dinyatakan. Bagi tujuan untuk bersenam dan melakukan aktiviti sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai 40 buah padang bola sepak yang terletak di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah ini tidak termasuk padang-padang awam yang terletak di dalam taman-taman.

Selain itu, bagi tujuan membolehkan warga kota bersenam dan melakukan aktiviti sukan, DBKL turut menyediakan kemudahan- kemudahan sukan seperti gelanggang badminton (84 buah), gelanggang futsal (26 buah), gelanggang tenis (22 buah), kolam renang (5 buah), gimnasium (14 buah), gelanggang skuasy (9 buah), gelanggang ping pong (17 buah) dan gelanggang sepak takraw (8 buah). Ke semua kemudahan sukan ini boleh ditempah dan digunakan oleh warga kota mengikut kekosongan semasa.

Pihak DBKL turut mengambil inisiatif menyediakan program senamrobik yang telah dijalankan pada tahun-tahun lepas dan akan disambung juga pada tahun ini. Senamrobik ini diadakan di lima (5) lokasi iaitu taman-taman utama di Kuala Lumpur. DBKL akan menyediakan jurulatih senamrobik yang bertauliah bagi mengendalikan

senamrobik ini.

SOALAN NO. 38

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A DATUK PUAN CHONG ENG
[BUKIT MERTA JAM]

TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) jumlah Pegawai Penyelaras yang telah dilantik selepas Pilihanraya Umum ke-12 mengikut pecahan gender. Nyatakan jumlah kewangan yang terlibat; dan
- (b) jumlah JKKKP yang dilantik dan jumlah kewangan yang terlibat.

JAWAPAN:

Sehingga 9 Mac 2012, terdapat seramai 180 Pegawai Penyelaras telah dilantik di Negeri Kedah, Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor yang terdiri daripada 62 Penyelaras Parlimen dan 118 Penyelaras DUN. Daripada jumlah tersebut, seramai 168 Pegawai Penyelaras adalah lelaki dan

selebihnya iaitu 12 Pegawai Penyelaras adalah perempuan. Implikasi kewangan yang terlibat adalah berjumlah RM9.366 juta setahun.

Sehingga 9 Mac 2012, terdapat seramai 45,556 ahli Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) telah dilantik di Negeri Kedah, Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor yang melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM84.86 juta setahun.

NO SOALAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : ~~ISU~~ MENYERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

TARIKH : 21.03.2012

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang banyak isu-isu yang membabitkan ketirisan wang negara dalam projek Kerajaan serta sejauh mana tindakan Kerajaan dalam membanteras penyalahgunaan wang dan kuasa sebagaimana Laporan Ketua Audit Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, analisis oleh Jabatan Audit Negara berhubung ketirisan wang negara dalam projek Kerajaan dilaksanakan berdasarkan bilangan individu dan syarikat yang terlibat. Statistik mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

Bil.	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)	Jumlah Terlibat
1.	LKAN Tahun 2008	. Individu : 100 orang i. Syarikat: 4 syarikat
2.	LKAN Tahun 2009	. Individu : 66 orang i. Syarikat: Tiada

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian, Jabatan dan Badan-Badan Berkanun sentiasa memberi perhatian serius ke atas teguran audit yang telah dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara. Beberapa tindakan pembetulan (*corrective actions*) telah diambil oleh agensi-agensi yang telah ditegur oleh Ketua Audit Negara. Antara tindakan-tindakan pembetulan adalah seperti berikut:-

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman di peringkat Kementerian dan dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal dengan tujuan untuk mengkaji isu-isu audit yang dibangkitkan dan mengenalpasti teguran yang melibatkan penyelewengan kuasa dan penyalahgunaan wang awam;
- ii. Mengambil tindakan tatatertib / surcaj ke atas pegawai-pegawai yang didapati terlibat di dalam penyelewengan kuasa dan penyalahgunaan wang awam sehingga mendatangkan kerugian kepada Kerajaan;
- iii. Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Bil. 11/2011 pada 2 November 2011 telah bersetuju supaya pemantauan tindakan susulan terhadap LKAN Tahun 2010 dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pegawai Pengawal adalah diminta meneliti LKAN Tahun 2010 dan mengambil tindakan termasuk tindakan tatatertib dan undang-undang ke atas pihak-pihak yang didapati melakukan kesalahan. Pegawai Pengawal adalah diminta mengemukakan laporan awal dan laporan secara berkala setiap 2 bulan kepada JPA bagi tujuan pemantauan sehingga tindakan selesai dilaksanakan;
- iv. Kementerian Kewangan juga telah mengadakan lawatan tapak secara

selektif ke atas Kementerian yang telah ditegur terutamanya isu yang melibatkan aktiviti / projek fizikal. Usaha ini bertujuan untuk memastikan bahawa setiap teguran telah diambil tindakan pembetulan sewajarnya;

- v. Mengeluarkan surat peringatan kepada semua Pegawai Pengawal agar mengambil perhatian serius terhadap isu kelemahan pengurusan kewangan yang sering kali dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan tindakan diambil bagi mengelakkan ia daripada berulang;
- vi. Kementerian Kewangan telah membuat persediaan awal bersama Jabatan Audit Negara untuk menjalankan *Post Audit Exercise* ke atas semua isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara dengan mendapatkan status maklum balas terkini bagi memastikan isu-isu tersebut diambil tindakan dan diselesaikan; dan
- vii. Kementerian Kewangan memperkemaskan lagi pemantauan ke atas prestasi pengurusan kewangan yang didapati bermasalah melalui aktiviti *flying squad* supaya tindakan *corrective* dan *preventive* benar-benar telah diambil perhatian oleh Kementerian / Jabatan yang terlibat.

NO. SOALAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA
MENTERI menyatakan**

a) adakah Kerajaan bersedia untuk menetapkan PETRONAS

menyertai “*Extractive Industries Transparency Initiative*” dan jika tidak apakah sebabnya; dan

- b) adakah cadangan untuk meminda Akta Pembangunan Petroleum 1974 untuk membolehkan PETRONAS membentangkan laporan terus ke Parlimen.

JAWAPAN

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Extractive Industries Transparency Initiative* (EITI) telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Britain Tony Blair di *World Summit for Sustainable Development* pada tahun 2002. Ianya antara lain bertujuan meningkatkan ketelusan dalam sektor *extractive*. Namun begitu, inisiatif ini bukanlah satu inisiatif yang penting memandangkan terdapat banyak inisiatif lain yang mempunyai tujuan yang sama. Sebagai contoh PETRONAS juga telah menjadi ahli kepada *International Petroleum Industry Environmental Conservation Association* (IPIECA). IPIECA terdiri daripada 32 syarikat antaranya termasuk BP, Shell, Exxon Mobil, ConocoPhillips, Chevron, Total, Statoil, Petrobras dan lain-lain.

PETRONAS adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Sepertimana syarikat-syarikat lain, PETRONAS menyediakan laporan kewangan mengikut syarat- syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan kehendak peruntukan perakaunan yang diperakui serta diaudit oleh dua juruaudit bertauliah iaitu KPMG dan Ernst & Young!

PETRONAS turut menerbitkan Laporan Tahunan lengkap dengan laporan kewangan dan operasi setiap tahun. Laporan Tahunan ini turut dimuatkan dalam laman web PETRONAS dan boleh dimuat-turun oleh pihak-pihak yang berminat. Akaun PETRONAS juga diteliti oleh agensi-agensi penarafan (*rating agencies*) antarabangsa terkemuka seperti Standard & Poor dan Moody's dan agensi-agensi ini telah memberikan penarafan yang sama atau lebih baik daripada syarikat-syarikat minyak dan gas terkemuka antarabangsa. Pada masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menetapkan PETRONAS menyertai EITI memandangkan penyertaan PETRONAS dalam IPIECA adalah memadai.

Kerajaan juga tidak bercadang untuk meminda Akta Pembangunan Petroleum 1974 bagi membolehkan laporan PETRONAS dibentangkan terus ke Parlimen. Namun Kerajaan sentiasa berusaha menjelaskan pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung kedudukan kewangan, aktiviti-aktiviti yang diceburi serta lain-lain isu berkaitan PETRONAS dalam Dewan yang mulia ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh]
Tarikh Menjawab	21 Mac 2012 [Rabu]
Soalan	No. 41

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jenis-jenis tanaman baru yang dijangka akan menjadi penyumbang kepada komoditi negara pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengenalpastian sesuatu tanaman komoditi bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Ianya memerlukan kajian yang terperinci mengenai kesediaan teknologi penanaman seperti pembangunan biji benih, kesesuaian tanah dan faktor-faktor yang membantu kadar pertumbuhannya. Selain itu, pemilihan sesuatu tanaman strategik perlu mengambilkira faktor-faktor ekonomi yang berkaitan seperti kos pengeluaran, kadar produktiviti, persaingan gunatanah dan faktor pasaran.

Walau bagaimanapun, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mengenalpasti tanaman-tanaman komoditi yang berupaya menjana pendapatan yang tinggi pada negara. Selain daripada kelapa sawit, getah, koko dan lada, Kementerian turut menggalakkan tanaman baru yang berpotensi seperti kenaf dan sagu.

Tanaman kenaf diusahakan sebagai tanaman alternatif kepada tanaman tembakau. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian dalam memastikan industri kenaf negara dapat berdaya saing dengan komoditi lain di peringkat tempatan dan antarabangsa termasuk:

- i. Menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat pengeluar produk berasaskan kenaf seperti pulpa, insulator dan bahan biokomposit. Sehingga kini, tiga Memorandum Persefahaman (Moll) telah ditandatangani;
- ii. Meluaskan kawasan tanaman ke negeri Selangor dan Pahang, tidak hanya bertumpu pada kawasan tanah BRIS sahaja;

- iii. Memberikan bantuan input pertanian seperti biji benih, baja, racun perosak dan lain-lain lagi;
- iv. Membangunkan perkhidmatan mekanisasi untuk aktiviti penanaman, penuaian dan pemprosesan;
- v. Mengenalpasti teknologi-teknologi yang boleh diadaptasi dan digunakan bagi pelaksanaan aktiviti penuaian dan pemprosesan yang lebih efisien;
- vi. Membangunkan *Raw Material Collection Center* (RMCC) dan *Collection, Processing and Marketing Center* (CPMC).

Berhubung dengan tanaman sagu, ianya merupakan sejenis palma yang mengandungi kanji yang boleh digunakan bagi pelbagai aplikasi, termasuk untuk tujuan makanan, farmaseutikal dan kanji terubah suai (*,modified starch*) untuk kegunaan industri. Buat masa ini, keluasan tanaman sagu di Malaysia adalah 62 ribu hektar dan diusahakan secara tradisional dan berskala kecil serta tertumpu di Sarawak.

Langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan bagi menjadikan tanaman sagu sebagai sumber pertumbuhan baru yang berdaya saing, adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan kemudahan infrastruktur dan khidmat pengembangan bagi membantu pengusaha dan pekebun kecil;
- ii. Meningkatkan aktiviti pengeluaran sagu secara komersil dengan menggalakkan penghasilan dan penggunaan klon sagu yang bermutu dan cepat matang;
- iii. Memperkukuh R&D bagi meningkatkan produktiviti dan membangunkan produk berasaskan sagu;

- iv. Mengembangkan aktiviti pemprosesan produk berasaskan sagu di peringkat hiliran seperti glukosa (bahan pemanis), karamel (pewarna dan perasa), *monosodium glutamate* (perisa), *maltodextrin*, *maltosa* dan *fruktosa* serta industri bukan makanan seperti penghasilan pelekat (*adhesive*) dan
- v. Memperkukuh pasaran produk bernilai tinggi berasaskan sagu.

PERTANYAAN	LISAN	fs i0 , SOA^Arf^
DARI PADA	DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [^O.-Atwr.—41*
TARIKH	RANAU]	■NQrAtIP-r
RUJUKAN	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN NEGARA	21 MAC 2012 4636

SOALAN

Datuk Siringan Bin Gubat [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa bilangan sebenar pemegang kad pengenalan baru terutama sekali di Sabah yang beragama Kristian tetapi tercatat Islam sebagai agama mereka disebabkan pemohon yang menggunakan 'bin' dan 'binti' dalam surat beranak mereka. Kenapa kesilapan ini berlaku dan bagaimana cara memperbaikinya dengan senang dan cepat yang tidak membebankan kepada mereka yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ranau yang mengemukakan pertanyaan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Jabatan Pendaftaran Negara tidak merekodkan statistik pemegang kad pengenalan baru terutama di Sabah yang beragama Kristian tetapi tercatat Islam sebagai agamanya berdasarkan penggunaan bin atau binti.

Maklumat agama Islam yang tercatat dalam kad pengenalan adalah berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh pemohon pada borang permohonan kad pengenalan semasa membuat permohonan kad pengenalan di usia 12 tahun atau permohonan kali pertama. Walaubagaimanapun, sekiranya pemilik kad pengenalan tersebut mendapati berlakunya kesilapan mengenai maklumat agamanya, maka penama perlulah segera membuat pembetulan maklumat kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PAD A

DATO' ISMAIL BIN KASIM

TARIKH

21 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

NO. 43

Dato, Ismail Bin Kasim [Arau] minta Menteri Pengajian Tinggi

menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada para pelajar institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh negara melalui Baucar Pembelian Buku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pelajar yang memenuhi kelayakan akan diperuntukkan Baucer Buku 1 Malaysia (BB1M) bernilai RM200. Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada para pelajar bagi tujuan pembayaran BB1M adalah sebanyak RM250.1 juta yang melibatkan seramai 1.25 juta orang pelajar.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN

RAKYAT

DARIPADA

TARIKH

LISAN

SOALAN

DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN]

21 MAC 2012

DATO' SRI ONG TEE KEAT minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah nilai barangan tani/makanan yang diimport dan dieksport bagi tahun 2008 hingga 2011. Sila nyatakan sebabnya BERNAS masih diberi monopoli untuk mengimport beras. Berapakah jumlah nilai dan 'tonnage' pengimportan beras BERNAS dalam tempoh 2008 hingga 2011.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

INPUT JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah nilai barangan tani/makanan yang dimport dan dieksport bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	2008	2009	2010	2011
Import (RM Billion)	27.92	26.68	30.19	34.45
Eksport (RM Billion)	17.76	15.71	18.10	20.50

Jemaah Menteri pada 18 Mac 2011 telah bersetuju supaya perjanjian penswastaaan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dilanjutkan untuk tempoh 10 tahun lagi iaitu dari 11 Januari 2011 hingga 10 Januari 2021. Peyambungan tempoh perjanjian penswastaaan BERNAS adalah berdasarkan BERNAS telah melaksanakan semua obligasi sosial seperti yang diperuntukan di dalam perjanjian penswastaaan terdahulu, memberi penjimatan kos kepada Kerajaan dalam menguruskan obligasi sosial tersebut dan BERNAS mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, berpengalaman, memiliki infrastruktur dan kewujudan dalam setiap rantai industri serta syer pasaran. Antara obligasi sosial yang telah dilaksanakan oleh BERNAS adalah:

- (a) mengurus dan mengekalkan stok penimbal negara sebanyak 292,000 tan metrik pada setiap masa;
- (b) mengurus semua Pusat Pembelian Padi;
- (c) menjadi Pembeli Terakhir Padi pada Harga Minimum Terjamin iaitu RM750 tan metrik;
- (d) menguruskan Skim Subsidi Harga Padi; dan
- (e) menguruskan Skim Kilang-Kilang Bumiputera.

BERNAS juga telah dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas utama untuk melindungi kepentingan pengguna seperti:

- (a) memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil;
- (b) memastikan bekalan beras negara sentiasa mencukupi; dan
- (c) memastikan kualiti dan gred beras mematuhi peruntukan akta dan peraturan yang telah ditetapkan.

Oleh itu, Kerajaan telah memberikan hak eksklusif mengimport beras kepada BERNAS dan bukannya memonopoli sebagai balasan terhadap obligasi sosial dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh BERNAS.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah nilai dan 'tonnage' pengimportan beras BERNAS dalam tempoh 2008 hingga 2011 adalah berjumlah 4,145,164 tan metrik dengan nilai sebanyak RM7.6 bilion.

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB
[MARAN - BN]**

TARIKH 21 MAC 2012 (RABU)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah ada kerjasama antara pihak Kementerian Kesihatan bagi memastikan atlet-atlet negara tidak terjebak di dalam pengambilan pil-pil perangsang yang tidak dibenarkan. Sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun berapakah kes yang melibatkan atlet-atlet negara dalam pengambilan pil-pil perangsang.

SULIT

JAWAPAN

1. Kerjasama antara Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menangani isu-isu pengambilan dadah terlarang telah berjalan sekian lama. Antaranya ialah penglibatan *Doping Control Officer* (DCO) yang terlibat secara langsung dalam pengambilan sampel urin, di mana terdiri daripada Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Perubatan dari Institusi-institusi dan hospital-hospital di bawah KKM.
2. Bermula dari tahun 2000 hingga 2011 (12 tahun), sebanyak 8,315 sampel telah diambil untuk ujian kawalan dadah dan 62 atau 0.75% daripadanya didapati positif.

NO < So *vc / LL&
MBAUM~ -48-

UQ-A U£_j.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]

TARIKH : 21 MAC 2012

RUJUKAN : 4468

SOALAN :

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan susulan pihak PDRM mengenai dua peristiwa serangan kumpulan samseng ke atas majlis ceramah pro Pakatan Rakyat di daerah Klang (Jalan Kebun dan Kg Idaman) dalam bulan Januari dan Februari 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Raja yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telah menjalankan siasatan ke atas dua laporan polis yang telah dibuat berhubung perkara ini. Bagi Pandamaran/Rpt/1191/2012 kes telah di siasat dibawah Seksyen 148 Kanun Keseksaan dan seramai 5 orang suspek telah ditahan untuk membantu siasatan. Pihak polis telah selesai menjalankan siasatan dan kertas siasatan telah dirujuk ke pihak Timbalan Pendakwaraya Selangor pada 13.2.2012. Kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk arahan lanjut.

Untuk kes Seksyen 15 Shah Alam/Rpt/1708/2012, kes ini juga disiasat dibawah Seksyen 148 Kanun Keseksaan dan seramai 7 orang suspek telah ditangkap untuk membantu siasatan. Pihak polis telah selesai menjalankan siasatan dan kertas siasatan telah dirujuk ke pihak Timbalan Pendakwaraya Selangor pada 8.2.2012 dan pihak polis telah dimaklumkan bahawa kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk arahan lanjut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN)
LISAN

DARI PADA **21.03.2012**

PERTANYAAN **Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA**
TARIKH **SELATAN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- a) Apakah rasional Kementerian menggunakan sejumlah RM15 bilion dari simpanan KWSP untuk melabur dalam skim khas pembelian rumah di bawah Program Perumahan Rakyat-Majlis Bertindak Ekonomi Negara (PPR-MTEN) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- b) Apakah jaminan pulangan kepada KWSP supaya kepentingan ahli-ahli KWSP terpelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Skim Pembiayaan Khas Penjualan PPR-MTEN dan Perumahan Awam DBKL bertujuan untuk membantu penyewa sedia ada yang mampu dan sanggup untuk membeli rumah yang ditawarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi berhadapan dengan masalah pinjaman dengan institusi kewangan. Cadangan skim pembiayaan khas ini yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibuat setelah mendapat pelbagai aduan daripada penyewa-penyewa sedia ada di rumah-rumah PPR-MTEN dan Perumahan Awam DBKL tentang kesukaran untuk mereka mendapat pinjaman daripada

pihak bank.

Kesukaran mendapat pinjaman pihak bank tersebut merupakan antara halangan utama bagi mereka mencapai impian memiliki rumah sendiri. Justeru, skim pembiayaan khas ini merupakan salah satu pilihan kepada penyewa sedia ada selain daripada membuat pinjaman melalui institusi kewangan lain membayar secara tunai ataupun terus kekal menyewa kediaman sedia ada dengan kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Tiada elemen paksaan kepada penyewa untuk memilih skim ini bagi membuat pembelian rumah tetapi Kerajaan hanya membantu menyediakan pilihan terbaik kepada mereka yang memerlukan.

Proses untuk mewujudkan skim pembiayaan khas ini mengambil masa yang lama. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah merangka strategi untuk mewujudkan skim ini dan kemudian dimajukan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan juga dua institusi yang lain. KWSP juga telah mengkaji dan meneliti kebolehlaksanaan ataupun, *feasibility scheme* ini berdasarkan *wiling buyer willing seller basis*. Ini juga telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan selepas KWPKB mendapat tawaran daripada KWSP.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif pelaburan KWSP adalah bersifat jangka panjang dan disertai pengurusan risiko pelaburan yang berhemah. Ini bagi memastikan simpanan ahli sentiasa terjamin dari segi keselamatan, kecairan serta mampu memberi pulangan yang baik. Bagi memastikan pelaburan KWSP dalam sesuatu projek termasuk projek-projek infrastruktur adalah selamat dan setelah mengambilkira risiko-risiko yang akan dihadapi, beberapa proses kelulusan akan dilalui yang berlandaskan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Panel Pelaburan KWSP yang mana sebahagian daripada ahlinya adalah terdiri daripada badan-badan professional. Di antara kriteria-kriteria yang diambilkira dalam memastikan pelaburan KWSP adalah terjamin dan membawa keuntungan adalah:

- (i) Keupayaan sesuatu syarikat sama ada dapat memberikan pulangan yang baik atau tidak atas pelaburan KWSP;

- (ii) Potensi pertumbuhan projek dalam tempoh jangka panjang yang merangkumi aliran tunai syarikat sesuatu projek adalah kukuh supaya pelaburan boleh dilaksanakan;
- (iii) Kumpulan Pengurusan Syarikat yang berwibawa dan teguh;
- (iv) Risiko-risiko yang ada dan dapat dimitigasi ke atas sesuatu projek dengan tujuan KWSP tidak mengambil risiko pelaburan yang berlebihan yang boleh memberi impak negatif kepada simpanan ahli dalam jangka masa panjang;
- (v) Proses dokumentasi perundangan yang ketat dan tidak boleh dipertikaikan dengan mewujudkan beberapa waad yang mana kelulusan daripada KWSP adalah perlu sebelum sebarang tindakan boleh diambil yang boleh menjejaskan obligasi pembayaran balik pinjaman KWSP; dan
- (vi) Pemantauan dan pengawasan yang berterusan ke atas prestasi sesuatu projek dan akan melaporkan kepada Panel Pelaburan KWSP dari masa ke semasa.

SOALAN NO. 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)

TARIKH 21 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

Puan Tan Ah Eng minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) Jumlah peruntukan kewangan yang disalurkan oleh Kementerian kepada badan kebajikan, rumah warga emas dan rumah anak yatim;
dan
- (b) Jumlah badan kebajikan yang berdaftar dengan Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menjaga kebajikan warga emas dan anak yatim, kerajaan melalui Jabatan Kebajikan masyarakat (JKM) menyediakan kemudahan institusi kebajikan bagi memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas dan anak yatim.

Selain itu, badan bukan kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) turut menyediakan perkhidmatan Pusat Jagaan untuk warga emas dan rumah anak-anak yatim. PSK merupakan rakan kongsi pintar JKM dalam menyokong dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk manfaat kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM8.02 juta kepada 87 buah PSK yang menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak termasuk anak yatim dan

RM4.58 juta kepada 48 buah PSK yang menyediakan perkhidmatan kepada warga emas.

Seterusnya berhubung badan kebajikan yang berdaftar, sukacita saya maklumkan bahawa pada masa ini terdapat sebanyak 665 PSK yang berdaftar dengan JKM di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Sesungguhnya PSK ini membantu melaksanakan program dan aktiviti di peringkat akar umbi.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi]

TARIKH

21 Mac 2012 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan

- (a) memandangkan pusat pendaratan tuna di Batu Maung Pulau Pinang tidak beroperasi, adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan tempat lain bagi pendaratan ikan tuna; dan
- (b) nyatakan prestasi projek ternakan ikan dan udang yang dijalankan oleh LKIM. Adakah pemantauan dibuat.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Jawapan (a)

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil alih Pelabuhan MITP di Batu Maung sejak 12 Jun 2010. Pelabuhan ini masih mengendalikan pendaratan ikan tuna. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 31 kekerapan vesel tuna mendarat dengan pendaratan sebanyak 152.9 tan metrik bernilai RM5.73 juta.

Setakat ini Kerajaan tiada perancangan untuk menggunakan tempat lain untuk pendaratan ikan tuna.

Jawapan (b)

LKIM mempunyai tujuh projek ternakan/penetasan ikan dan udang iaitu di Bukit Malut (Langkawi), Pantai Merdeka (Kedah), Kampong Sebatu (Melaka), Kampong Fikri (Terengganu) dan Kampong Telaga Air (Sarawak). Kebanyakan projek-projek

ini dimulakan pada awal tahun 1990-an. Mulai tahun 2005, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memutuskan supaya LKIM tidak melibatkan diri di dalam pengeluaran secara terus tetapi memainkan peranan sebagai pemudahcara kepada industri. Ini adalah untuk memberi peluang kepada pihak swasta mencebur diri di bidang ini dengan lebih lancar.

Selari dengan polisi ini, LKIM telah menswastakan projek-projek ternakan ikan dan udang kepada pihak swasta yang mana lebih berkemampuan untuk meningkatkan keupayaan projek secara komersial. Daripada laporan yang diterima, pengeluaran ternakan sangat menggalakkan terutama bagi kolam-kolam ternakan seperti di Sarawak, Terengganu dan Melaka.

No. Soalan:[50]

PR-1251-

L48162

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
[BATANG SADONG]

TARIKH

21 MAC 2012

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah perancangan pelan tindakan Malaysia selanjutnya selepas pengajuran *Global Movement of the Moderates* dirasmikan pada bulan Januari yang lepas.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Batang Sadong bertarikh 21 Mac 2012 yang menyentuh perkara yang sama.

2. Konsep kesederhanaan dalam Pergerakan Kesederhanaan Global atau *Global Movement of Moderates* (GMM) yang diketengahkan oleh Y.A.B Perdana Menteri sejak September 2010 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah diterima dan mendapat sambutan baik di peringkat antarabangsa, samada dari negara-negara maju mahupun negara-negara membangun.

3. Di antara negara-negara yang telah menyatakan sokongan mereka secara terbuka terhadap GMM ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Denmark, Perancis, Portugal, Itali, Switzerland, Hungary, Austria, Slovakia, Latvia, Thailand, China, Korea Selatan, Indonesia, Filipina, India, Malta, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Arab Saudi, Tanzania, Namibia dan Kenya. Malah, Pope Benedict XVI juga telah menyuarakan sokongan terhadap GMM.

4. Selain itu, organisasi serantau seperti ASEAN; mesyuarat-mesyuarat antarabangsa di peringkat Ketua Kerajaan seperti Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM); serta institusi-institusi akademik terkemuka seperti *Oxford Centre of Islamic Studies* di United Kingdom dan *East-West Center* di Hawaii telah menyatakan sokongan terbuka mereka terhadap konsep GMM.

5. Sambutan baik dan sokongan terbuka masyarakat antarabangsa ke atas GMM, bukan sahaja dari negara-negara luar, tetapi juga dari golongan cendekiawan, badan bukan kerajaan dan individu membuktikan bahawa GMM telah diterima sebagai amalan antarabangsa yang boleh dipraktikkan dalam pelbagai situasi dan bidang bagi mencapai keamanan, keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Persidangan ulung Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global yang berlangsung dari 17 hingga 19 Januari 2012 di Kuala Lumpur telah menerima sambutan yang amat baik. Seramai lebih 500 peserta dari serata dunia telah menghadiri Persidangan ini yang terdiri dari pemimpin-pemimpin kerajaan, para cendekiawan, badan-badan bukan kerajaan, organisasi-organisasi antarabangsa, tokoh-tokoh korporat, diplomat-diplomat asing, pemimpin-pemimpin

agama dan aktivis-aktivis sosial.

7. Hasil dari Persidangan ini, satu Yayasan GMM telah ditubuhkan, bertujuan sebagai pusat mengumpul dan menyebarkan maklumat dan bahan-bahan kempen bagi mengatasi fahaman ekstremis. Sebuah Institut Wasatiyyah juga telah ditubuhkan sebagai sebahagian dari Pejabat Perdana Menteri bagi mempromosi dan memperjuangkan kesederhanaan dan keseimbangan di dalam semua aspek, seperti demokrasi, undang-undang, pendidikan, kemanusiaan dan keadilan sosial. Selain itu, sebuah Kerusi Akademik akan diadakan di Universiti Malaya bagi menggalakkan lebih ramai golongan cendekiawan mengkaji subjek kesederhanaan.

8. Melalui penubuhan Yayasan GMM, Institut Wasatiyyah dan Kerusi Akademik ini, konsep kesederhanaan akan disebarkan secara lebih meluas dan mendalam kepada pelbagai golongan masyarakat, samada di dalam mahupun di luar negara ke arah mencapai keamanan dan kesejahteraan sejagat. Bagi negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, konsep kesederhanaan dapat menghasilkan persefahaman, toleransi, tolak ansur dan perbincangan, bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan. Seperti yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 13 Mac 2012, Malaysia memperjuangkan konsep kesederhanaan melalui GMM bukan sahaja dalam konteks membina sebuah negara bangsa yang lebih harmoni dan lebih bersatu padu, tetapi juga sebagai satu bentuk

pendekatan yang boleh membawa penyelesaian kepada soal keamanan sejagat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

9. Yayasan GMM telah diberi mandat untuk mempromosi GMM dan kini sedang merangka aktiviti tahunannya. Selain itu, Kerajaan kekal aktif dalam mempromosi konsep kesederhanaan dan GMM melalui pelbagai platform serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Mesyuarat Asia-Eropah, Gerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), serta melalui hubungan dua hala dengan pelbagai negara.

Sekian, terima kasih.

DARI PADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN
MAJIMBUN (SEPANGGAR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2012

Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman Kerajaan di luar negara dan institusi kewangan dalam negara termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan bentuk serta kadar nilai untuk membayar balik pinjaman tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Shah Alam serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Sepanggar yang dijadualkan untuk dijawab pada 21.3.2012 kerana menyentuh perkara yang sama. 2. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 53.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM438.0 bilion atau 96.0 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM18.1 bilion atau 4.0 peratus merupakan hutang luar negeri. Jumlah hutang luar negeri yang rendah adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang mengutamakan pinjaman dalam negeri yang mempunyai kecairan yang tinggi,

kos pinjaman yang lebih rendah serta dapat meminimumkan risiko pertukaran mata wang asing. 3. Mengenai sumber hutang pinjaman dalam negeri diperolehi melalui terbitan Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), pinjaman Kumpulan Pinjaman Perumahan dan terbitan Sukuk Simpanan Rakyat serta Sukuk IMalaysia. Pemegang instrumen berkenaan terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan institusi keselamatan sosial seperti KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). 4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman yang diberikan oleh KWSP kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2011 berjumlah RM144.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar merupakan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan yang berjumlah RM124.6 bilion atau 86.2 peratus pinjaman KWSP, manakala baki RM19.9 bilion atau 13.8 peratus Sukuk dan Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan. 5. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan pula diperolehi daripada sumber pasaran modal antarabangsa melalui terbitan sukuk global dan pengeluaran pinjaman projek dari institusi multilateral seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam dan pinjaman bilateral dalam mata wang asing iaitu Dolar Amerika Syarikat, Yen, Dolar Euro, Dolar Kanada serta Dinar.

Soalan No. : £"2

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI ABD RAHMAN

BIN DAHLAN

(KOTA BELUD)

TARIKH : 21.03.2012 (RABU)

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan senarai projek dan nilai peruntukan setiap satu di bawah Kementerian yang akan dilaksanakan di Kota Belud untuk RMKe-10.

JAWAPAN Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah diluluskan peruntukan berjumlah RMS.22 bilion bagi tahun 2011 dan RM7.05 bilion bagi tahun 2012 untuk membiayai pelaksanaan peibagai program/projek pembangunan luar bandar.

Bagi Parlimen Kota Belud, sejumlah RM89.58 juta telah diperuntukkan pada tahun 2011, iaitu tahun pertama RMKe-10. Projek-projek yang dilaksanakan meliputi projek^projek infrastruktur asas luar bandar termasuk Jalan Perhubungan Desa (3PD), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Program Bantuan Rumah (PBR). Selain itu, terdapat juga projek infrastruktur/fizikal bagi pembangunan modal insan seperti baik pulih/peralatan TABIKA di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Program Tanam Semula Getah ke Getah (TSGG) di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA) turut dilaksanakan bagi melengkapkan lagi pembangunan dari sudut ekonomi di Kota Belud. Senarai projek

dan peruntukan tahun 2011 bagi Parlimen Kota Belud adalah seperti di Lampiran A.

Bagi tahun 2012 pula, selain daripada meneruskan projek-projek sedia ada yang telah berjalan dari tahun 2011 seperti projek BALB, terdapat juga program/projek baru yang dirancang untuk dilaksanakan. Sebagai contoh, 3 projek Jalan Luar Bandar (JALB) akan dilaksanakan di Kota Belud iaitu Jalan Bangkahak Baru - Kg. Zing di DUN Tempasuk dan Jalan Buah Pandai serta Jalan Klau Nuluh di DUN Kadamaian dengan peruntukan berjumlah RM20.51 juta. KKLW juga bertindak sebagai agensi pelaksana bagi projek-projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) di bawah peruntukan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) yang berjumlah RM1.61 juta untuk Kota Belud.

Selain itu, projek-projek BELB dan PBR akan turut dilaksanakan. Senarai projek dan peruntukan tahun 2012 bagi Parlimen Kota Belud adalah seperti di **Lampiran B**.

LAMPIRAN A**SEIMARAI PROJEK DAN PERUNTUKAN TAHUN 2Q11 BAGI KOTA BELUD**

Agensi	Program	Nama Projek	DUN	Peruntukan 2011 CRM)
Bahagian Infra-struktur, KKLW	Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	JALAN LINK KB - KUDAT	Pelbagai DUN	2,100,000
		Kg Kuala Abai & Abai Seberang	Usukan	4,250,000
		KG. AMBONG	Usukan	2,100,000
		KG, BAKILONG	Kadamaian	665,000
		Kg. Bayayat, Kg. Bahab, Kg. Taginambur	Kadamaian	4,200,000
		KG. DUDAR; SISTEM GRAVITI	Tempasuk	1,480,000
		KG,. GAUR	Kadamaian	1,500,000
		KG. KAGURAAN	Tempasuk	450,000
		KG, KAWANG-	Tempasuk	400,000
		KG. KAYU PUTIH	Tempasuk	1,100,000
		KG. KELAWAT	Kadamaian	550,000
		KG. KESAPANG ULU	Tempasuk	480,000
		KG. KINASARABAN	Kadamaian	5,000,000
		KG. KOTA BUNGAN 2	Tempasuk	400,000
		KG. KULAMBAI DUNDAU	Usukan	350,000
		KG.KULAMBAIKUPANG	Usukan	375,000
		KG. KULAMBAI TANJUNG BATU	Usukan	1,100,000
		KG.LABUAN	Usukan	806,000
		KG. LEBAK KUPANG	Tempasuk	350,000
		KG. MANDAP	Kadamaian	1,160,000
		KG. MERABAU	Tempasuk	400,000
		KG. MINANGKOP	Kadamaian	330,000
		KG. NANAMUN	Tempasuk	310,000
		KG.PAHU	Kadamaian	1,200,000
		KG. PAKA-PAKA	Kadamaian	250,000
		KG.PANDASAN	Tempasuk	230,000
KG.PENAMPANG	Tempasuk	360,000		
KG. RAMPaian	Tempasuk	400,000		

Agensi	Program	Nama Projek	DUN	Peruntukan 2011 (RM)
		KG. RAMPaian LAUT	Tempasuk	750,000
		KG. RAMPaian ULU	Tempasuk	600,000
		KG. SARANG; SISTEM GRAVITI	Tempasuk	1,250,000
		KG, SIUDON	Tempasuk	300,000
		KG. SUKANG	Kadamaian	330,000
		KG. SUMBILINGON	Kadamaian	330,000
		KG. TABU RAN; SISTEM GRAVITI	Tempasuk	1,070,000
		KG.TAMAU	Tempasuk	400,000
		KG, TAMAU UTARA (PINTASAN)	Tempasuk	850,000
		KG. TAMBILAUNG	Tempasuk	550,000
		Kg. Tambulian Ulu, Kg. Tambulian Laut	Kadamaian	1,500,000
		KG. TAMU DARAT TENGAH	Kadamaian	820,000
		KG. TAWADAKAN	Tempasuk	400,000
		KG. TIMBANG	Tempasuk	300,000
		Loji Rawatan Air Kota Belud, Tangki air Bangkahak, Paip transmisi, Paip agihan (Kg. Bangkahak, Kg. Rosok, Kg. Kalibungan, Kg. Bangkahak Sum-Sum)	Tempasuk	40,050,000
	Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)	Kg. Gonti/Luba Gonti	Kadamaian	956,318
		Kg. Kebidaan	Kadamaian	297,121
		Kg. Melangkap Tiong Baru (Kg. Piso)	Kadamaian	173,448
		Kg. Rumbia Tolus	Kadamaian	754,856
		Kg. Torintidon	Kadamaian	78,973
	Jalan Perhubungan Desa (JPD)	Membina Jalan Perhubungan Desa di Kg. Tamau, Kota Belud	Pelbagai DUN	119,950
		Menaik taraf Jalan Perhubungan Desa gravel di Kg Kegurahan, Kota Belud	Tempasuk	99,900
		Menaik taraf Jalan	Usukan	99,956

Agensi	Program	Nama Projek	DUN	Peruntukan 2011 (RM)
		Perhubungan Desa gravel di perkampungan baru Kg Pengkalan Abai, Kota Belud		
		Menaik taraf Jalan Perhubungan Desa raya gravel di Kg Kebayau, Kota Belud	Kadamaian	99,868
		Menaiktaraf Jalan Perhubungan Desa Kampung Dundau - Piasau, Kota Belud	Pelbagai DUN	99,500
		Menaiktaraf Jalan Perhubungan Desa Kg. Labuan ke Kg. Skim Jawi-Jawi, Kota Belud	Usukan	119,988
		Menaiktaraf Jalan Perhubungan Desa Kg. Wakap, Kota Belud	Usukan	69,982
		Menaiktaraf Jalan Perhubungan Desa pertanian di Kg. Bira-Biraan, Kota Belud	Usukan	69,981
		Menyelenggara Jalan Perhubungan Desa dengan batu kelikir di Kg, Timbang Dayang, Kota Belud	Pelbagai DUN	79,960
		Naik taraf Jalan Perhubungan Desa ke perkuburan Kg Timbang Dayang, Kota Belud	Pelbagai DUN	79,950
JUMLAH	1AGIAN INFRASTRUKTUR, KKLW			84,995,751
Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKLW	Program Bantuan Rumah (PBR)	Program Bantuan Rumah (PBR) Negeri Sabah	Kadamaian	1,063,116
			Pelbagai DUN	21,990
			Tempasuk	1,023,587
			Usukan	1,260,905
JUMLAH BAHAGIAN KESEJAHTERAAN RAKYAT, KKLW				3,369,598

Agensi	program	Nama Projek	DUN	Peruntukan 2011 CRM)
KEMAS	Baik-pulih TABIKA	Tabika KEMAS Kem Paradise	Tempasuk	5,700
		Tabika KEMAS Kg. Jawi-Jawi Pusat C	Tempasuk	19,590
		Tabika KEMAS Kg. Kulambai Dundau	Usukan	51,993
		Tabika KEMAS Kg, Pi rasan	Usukan	4,800
		Tabika KEMAS Kg. Taniung Batu	Usukan	5,800
	Peralat-an TABIKA	Tabika KEM Paradise	Tempasuk	96
		Tabika Kq Lingkodon	Usukan	9,144
		Tabika Kq Taniung Batu	Usukan	9,144
		Tabika Kg, Bobot A	Usukan	207
		Tabika Kq. Dudar	Tempasuk	775
		Tabika Kg. Jawi-Jawi	Tempasuk	1,822
		Tabika Kq. Nanamun	Tempasuk	1,438
		Tabika Kq. Narinang	Kadamaian	96
		Tabika Kg. Pulau Mantanani	Usukan	96
		Tabika Kq. Rosok	Tempasuk	775
		Tabika Kg, Suang Punggur	Usukan	96
		Tabika Kg. Tambatuon	Kadamaian	96
		Tabika Kq. Tambiiaung	Tempasuk	1,438
		Tabika Kg. Tengkurus	Kadamaian	1,615
		Tabika Kg. Timbang Dayang	Usukan	1,615
		Tabika Kg. Tuguson	Kadamaian	711
		Tabika Kg. Tempasuk II A	Tempasuk	9,144
		Tabika Kota Peiadok	Tempasuk	711
JUMLAH	MS			126,902
RISDA	Tanam Semula Getah ke Getah	Tanam Semula Getah ke Getah Sabah	Kadamaian	576,490
			Tempasuk	256,218
			Usukan	256,218
JUMLAH RISDA				1,088,926
JUMLAH KOTA BELUP				89,581,176

LAMPIRAN B**SENARAI PROJEK DAN PERUNTUKAN TAHUN 2012 BAGI KOTA BELUD**

Agensi	Program	Nama Projek	DUN	Peruntukan 2012 CRM)	
Bahagian Infrastruktur, KKLW	Jalan Luar Bandar (JALB)	JALAN BANGKAHAK BARU - KG. ZING, KOTA BELUD, SABAH	Tempasuk	7,440,000	
		JALAN BUAH PANDAI, KOTA BELUD, SABAH	Kadamaian	5,900,000	
		JALAN KIAU NULUH, KOTA BELUD, SABAH	Kadamaian	7,170,000	
	JUMLAH				20,510,000
	Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)	Proposed PPU Step Down 33/11 at PMU 132/33KV Kota Marudu			469,484
		Kg, Nalapak	Tempasuk	2,166,810	
		Kg. Ponopuan (Kg. Penabahan Pipit)	Usukan	295,487	
		Kg. Pi rasa n	Kadamaian	271,198	
		Kg, Taun Gusi Padang	Tempasuk	487,062	
		Kq. Pintasan	Tempasuk	747,694	
	JUMLAH BELB				4,437,735
	Jalan Perhubungan Desa (JPD)	Naik taraf Jalan Perhubungan Desa di Kg Pandasan ke Kg Logu-Logu, Kota Belud			100,000
		Baik pulih Jalan Perhubungan Desa (jalan perkuburan Islam) di Kg Lantigi, Kota Belud			100,000
		Selenggara Jalan Perhubungan Desa di Kg Jawi-Jawi, Kota Belud	Tempasuk	60,000	
		Selenggara Jalan Perhubungan Desa di Kg Minangkob-Pompod, Kota Belud	Kadamaian	100,000	

Agensi	Program	Nama Projek	DUN	Peruntukan 2012 (RM)
		Membina Jalan Perhubungan Desa di Kg Dikulu, Kota Belud	Kadamaian	100,000
		Naik taraf Jalan Perhubungan Desa di Kg Pangi-Pompod, Kota Belud	Kadamaian	100,000
		Membina Jalan Perhubungan Desa Di Kg Tumanan-Pahu, Kota Belud	Kadamaian	100,000
		Membina Jalan Perhubungan Desa (jalan pertanian) di Kg Sumsum Pangi, Kota Belud	Kadamaian	100,000
		Naik taraf jln separa 'gravel' kpd jln 'semi grout' di Kg Pinasang Morulul, Kota Belud	Kedamaian	100,000
		Membina Jalan Perhubungan Desa (jalan pertanian) di Kg Karaminsuk Terintidon	Kedamaian	100,000
		Membina baru Jalan Perhubungan Desa (jalan gravel) di Kg Ambong ke Kg Lok Yuh, Kota Belud	Usukan	200,000
		Membaik pullh Jalan Perhubungan Desa di Kg Song-Song ke Kg Lingkodon, Kota Belud	Usukan	200,000
		NT Jalan Perhubungan Desa (jalan gravel) dari jalan utama ke Sek Agama Rakyat hingga Kg Suyad Tambulion, Kota Belud	Kadamaian	100,000
		NT Jalan Perhubungan Desa (lorong pejalan kaki) dan pemasangan	Kadamaian	150,000

Agensi	Program	Nama Projek	DUN	Peruntukan 2012 (RM)
		culvert di Kg Lasau Minunsud, Kota Belud		
		JUMLAH JPD		1,610,000
JUMLAH	HAGIAN INFRASTRUKTUR, KKLW			26,557,735
Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKLW	Program Bantuan Rumah (PBR)	Program Bantuan Rumah (PBR) Negeri Sabah	Kadamaian	400,000
			Pelbagai DUN	400,000
			Tempasuk	400,000
			Usukan	400,000
JUMLAH	HAGIAN KESEJAHTERAAN RAKYAT, KKLW			1,600,000
KEMAS	Pembinaan Baru TABIKA	Kg. Kulambai, Kota Belud	Usukan	<i>375,000</i>
JUMLAH KEMAS				375,000
JUMLAH KOTA BELUD				28,532,735

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN TUAN
DARIPADA	NGA KOR MING 21
TARIKH	MAC 2012 (RABU) NO.
SOALAN	53

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah rancangan dan langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan untuk membina sebuah universiti di Taiping dan memperbaiki semula Pasar Awam Taiping yang merupakan warisan Sejarah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) terutamanya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujahan (*niche area*) tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja tempatan. Pada masa ini, Kementerian tiada perancangan untuk menubuhkan IPTA baru di seluruh negara termasuk di Taiping, Perak. Walau bagaimanapun, Kementerian boleh mempertimbangkan

permohonan bagi penubuhan IPTS terutama yang memberi tumpuan kepada program-program kritikal seperti perubatan, farmasi dan kejuruteraan. Penubuhan IPTS, perlulah mematuhi syarat dan kriteria yang telah diperuntukkan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara berkaitan pembaikan Pasar Awam Taiping adalah diluar bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi.

**PEMBERITAH
U
PERTANYAAN
LISAN
DEWAN
RAKYAT
MALAYSIA**
**Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASA)**

**DARIPADA
NYAAN**

**PER
TA**

TARIKH

21.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [RASA] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa dan bila peruntukan untuk pembinaan semula bangunan sekolah SJKC Ladang Hillside, Jalan Labu, Seremban akan disalurkan kepada pihak sekolah dan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di bawah kelolaan kerajaan sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Dalam hal ini, KPM memberi peruntukan kepada semua jenis aliran sekolah tetapi tertakluk kepada kemampuan kewangan KPM sedia ada.

Berhubung dengan isu pembangunan SJKC Ladang Hillside, Jalan Labu, Seremban, satu lawatan kerja yang diketuai oleh YB Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, Timbalan Menteri Pelajaran telah dilakukan ke SJKC Ladang Hillside pada 2 Mac 2012. Hasil lawatan tersebut, YB Timbalan Menteri Pelajaran telah mengumumkan sejumlah peruntukan bagi tujuan pembinaan sebuah bangunan gantian di sekolah tersebut.

Langkah tersebut sudah pasti dapat menyelesaikan isu murid belajar di dalam kabin di sekolah tersebut, dan dengan penyelesaian ini isu tersebut diharap tidak akan berbangkit lagi pada masa akan datang.

Rjm 31

NO'£0A1a*j: rT

We-AOM—r-56-

JUQ-AU^—^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]

TARIKH 21 MAC 2012

RUJUKAN 4469

SOALAN :

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) a
pakah usaha meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan polis di luar bandar; dan

(b)

k

JAWAPAN

Kenapa Malaysia menjadi tempat tumpuan pengedaran dadah terutama daripada Iran dan apakah langkah-langkah dan tahap keselamatan bagi mengatasi masalah ini.
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lenggong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) senantiasanya menjalankan pelbagai usaha untuk meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan polis samada melibatkan di kawasan bandar mahupun luar bandar. Dalam hal ini khususnya untuk kawasan di luar bandar, aspek fizikal iaitu pembangunan prasarana telah menjadi fokus untuk dibangunkan. Ini melibatkan kemudahan internet, perhubungan komunikasi dan penambahan kenderaan untuk anggota-anggota yang bertugas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini,

Bagi menjawab soalan yang kedua, perlu dijelaskan di sini bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Malaysia menjadi tempat tumpuan pengedaran dadah. Faktor-faktornya adalah seperti berikut:

- i. Terdapatnya jaringan dan rangkaian sindiket pengedaran dadah yang terdiri daripada warganegara asing terutamanya Iran dan Nigeria

JAWAPAN yang sedia ada bertapak di Malaysia. Ini telah memudahkan aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah dijalankan di negara ini.

- ii. Harga pasaran dadah yang lebih tinggi di negara ini berbanding dengan negara asal telah menghasilkan keuntungan yang tinggi dan wang mudah kepada sindiket pengedaran dadah.
- iii. Faktor geografi negara pula yang mempunyai sempadan darat dan laut yang luas menggalakkan aktiviti penyeludupan dadah serta menjadikan negara sebagai tempat transit dadah.

Tuan Yang DiPertua

Bagi mengatasi masalah tersebut, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil beberapa langkah-langkah pembanterasannya seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan di semua pintu masuk utama seperti di lapangan terbang antarabangsa, sempadan negara dan pelabuhan serta terminal feri antarabangsa.
- ii. Mempertingkatkan jaringan kerjasama antarabangsa melalui pertukaran dan perkongsian maklumat risikan.
- iii. Mempertingkatkan usaha dan pengumpulan maklumat risikan untuk mengesan dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas rangkaian sindiket antarabangsa yang sedia ada bertapak dalam negara.

Mempertingkatkan kerjasama dengan lain-lain agensi tempatan seperti

Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan lain-lain lagi.

NO. SOALAN : 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN WONG HO LENG

[SIBU]

TARIKH

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) usaha dan kejayaan program Permata di Sarawak; dan
- (b) sumbangan isteri YAB Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, terhadap kemajuan wanita di Sarawak sedangkan beliau telah dikurniakan Ijazah kehormat Doktor Falsafah dari Universiti

Curtin.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Pelaksanaan Program PERMATA Negara di negeri Sarawak melibatkan 4 agensi Kerajaan iaitu Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Ketua Menteri (JKM) Sarawak dan Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri. Sehingga penghujung tahun 2011, bilangan keseluruhan TASKA yang menggunakan Kurikulum PERMATA Negara di negeri Sarawak adalah sebanyak 63 buah TASKA. Daripada jumlah tersebut sebanyak 44 buah adalah TASKA KEMAS, 3 TASKA Perpaduan, 15 TASKA di bawah JKM Sarawak dan 1 Pusat Anak PERMATA Negara. Di bawah Rancangan Malaysia Ke - 10 (RMK10) sebanyak 2 Pusat Anak PERMATA Negara yang akan dibina di daerah Sarikei dan Sibu.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor telah menerima Ijazah Doktor Kehormat (Persuratan) daripada Universiti Curtin, Australia pada 11 Februari 2012. Pengiktirafan ini diberikan atas sumbangan beliau di dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak ataupun "*Early Childhood Education*" melalui program PERMATA. Oleh yang demikian, tidak timbul isu kaitan sumbangan beliau kepada wanita Sarawak dengan penganugerahan tersebut.

Sekian. Terima kasih.

fJo- SoM-AAJ : r ?

MO_AU4a__i_

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP BUMBURING
 [TUARAN]

TARIKH 21 MAC 2012

RUJUKAN 4471

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan menjelaskan sejauh manakah siasatan ke
atas isu National Feed lot Corporation.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berhubung kes ini dan kertas siasatan telah dapat dilengkapkan untuk dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara dengan cadangan pertuduhan.

Berdasarkan dari keterangan yang kukuh di mana terdapatnya kesalahan telah berlaku dan atas arahan Jabatan Peguam Negara, pada 12 Mac 2012 Datuk Seri Mohamad Salleh Bin Ismail telah dituduh di Mahkamah Seksyen I Kuala Lumpur di bawah 4 pertuduhan iaitu

1. Sek409 Kanun Kesiksaan; dan
2. Sek 132 (2) Akta Syarikat 1965.

Kedua-dua pertuduhan adalah di atas kesalahan Pecah Amanah Jenayah sejumlah wang RM9.785 juta milik NFC.

3. Sek 409 Kanun Kesiksaan; dan
4. Sek 132 (2) Akta Syarikat 1965.

Untuk pertuduhan ini pula di atas kesalahan Pecah Amanah Jenayah sejumlah wang RM 40 juta.

Walau bagaimanapun, Datuk Seri Mohamad Salleh Bin Ismail telah dijamin

JAWAPAN:

Mahkamah sebanyak RM500,000.00. Jaminan dibuat pada 12/03/2012 dan penjamin adalah anak beliau yang bernama Wan Shahinur Izmir. Kes akan disebut semula pada 13/04/2012.

SOALAN : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA YB TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]
TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapakah hospital-hospital Kerajaan memerlukan masa yang lebih lama berbanding hospital swasta untuk mengenal pasti jenis penyakit yang di hadapi pesakit walaupun pemeriksaan penuh telah dilakukan doktor pakar.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan amat prihatin akan kesejahteraan rakyat dan menjadi objektif Kementerian untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti, selamat, cepat dan tepat kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya.

Masa yang diperlukan bagi mendapat diagnosa atau mengenalpasti jenis penyakit bergantung kepada jenis penyakit, simptom/gejala penyakit dan tempoh masa penyakit dihadapi. Terdapat penyakit yang boleh diberi diagnosa dengan mudah dan cepat hanya melalui sejarah atau kronologi

penyakit dan seterusnya pemeriksaan fizikal asas oleh Pegawai Perubatan dan disokong oleh pemeriksaan asas radiologi contohnya pemeriksaan x-ray atau ujian makmal.

Penyakit-penyakit kompleks dan yang lebih serius di bawah pengawasan Pakar Perubatan memerlukan pemeriksaan lanjut dengan menggunakan peralatan canggih contohnya, imbasan CT Scan atau MRI serta ujian makmal yang dapat menyokong diagnosa yang akan dibuat. Di hospital-hospital Kementerian Kesihatan seperti mana di hospital-hospital swasta memang terdapat kemudahan dan peralatan canggih berteknologi tinggi yang diperlukan bagi membantu mengenalpasti penyakit. Dari aspek ini, masa yang diperlukan untuk mengenal pasti jenis penyakit di hospital-hospital Kerajaan adalah setanding dengan hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua

Dalam keadaan tertentu, terdapat kelewatan untuk membuat diagnosa kerana beban kerja yang sangat tinggi di hospital-hospital Kementerian Kesihatan berbanding dengan hospital swasta. Ini menyebabkan waktu menunggu yang lebih panjang untuk menjalani pemeriksaan pengimejan atau ujian makmal.

Terdapat kes-kes di mana, pesakit datang lewat untuk mendapatkan rawatan iaitu setelah gagal mendapat rawatan optima di kemudahan kesihatan yang lain atau memilih untuk tidak datang ke hospital di peringkat awal penyakit. Sebahagian lainnya pula, lewat dirujuk ke hospital-hospital Kerajaan. Dalam keadaan begini, jangka waktu yang lebih lama diperlukan oleh Pakar Perubatan untuk membuat diagnosa dan komplikasinya.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin tentang kebajikan pesakit dan bersedia memberikan penjelasan terperinci kepada sebarang pesakit yang memerlukan maklumat selanjutnya. Sekiranya diketahui terdapat sebarang kelewatan atau masalah dalam mendapatkan rawatan, pihak-pihak yang berkaitan dipohon untuk tampil memberikan butiran selanjutnya.

	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH	21 MAC 2012
RUJUKAN	4472

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk memberitahu Dewan bilangan warga asing di dalam penjara di negara ini yang sedang menunggu perbicaraan bagi kesalahan-kesalahan yang disabitkan dengan hukuman mati (capital offences) setakat 31 hb Januari, 2012 mengikut kewarganegaraan.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor yang telah mengemukakan pertanyaan.

Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 31 Januari 2012 terdapat seramai 449 banduan reman warga asing yang sedang menunggu perbicaraan bagi kesalahan-kesalahan yang disabitkan dengan hukuman mati (*capital offences*). Daripada jumlah tersebut, 396 orang terlibat dengan kesalahan pengedaran dadah, 28 orang kesalahan membunuh, 18 orang kesalahan culik dan 7 orang kesalahan senjatapi.

Banduan warga asing ini adalah dari 35 buah negara antaranya ialah Afrika Selatan, Albania, Botswana, Filipina, Indonesia, Iran, Kenya, Myanmar, Nepal, Nigeria, Pakistan, Rusia, Singapura, Somalia, Sri Lanka, Thailand, Togo, Uzbekistan dan Zimbabwe.

DARIPADA **PEMBERITAHUAN**
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA
Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH

21.03.2012

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik pembeli rumah melalui pinjaman Skim Rumah Pertamaku sejak pelancarannya pada Mac 2011 mengikut nama bank yang memberikan pinjaman dan bangsa peminjam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada bulan Mac 2011. Skim ini diperkenalkan bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja untuk memiliki rumah sendiri. Di bawah skim ini, Cagamas akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Skim ini membolehkan mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka.

2. Sehingga 31 Januari 2012, sejumlah 1,623 permohonan yang bernilai RM238.9 juta telah diterima untuk mendapatkan pembiayaan di bawah skim ini. Daripada jumlah tersebut, 280 permohonan telah berjaya diberikan jaminan

dengan nilai pinjaman RM41.1 juta. Sebahagian besar peminjam adalah terdiri daripada kaum Cina iaitu seramai 152 peminjam atau 55%, diikuti kaum Melayu seramai 93 peminjam (33%) dan kaum India seramai 29 peminjam (10%).

3. Jika dikategorikan mengikut negeri, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 96 permohonan bernilai RM14.4 juta, diikuti oleh Kuala Lumpur {57 permohonan; RM8.5 juta), Johor (32 permohonan; RM4.8 juta), Pulau Pinang (21 permohonan; RM2.9 juta), Perak (20 permohonan; RM2.8 juta), Melaka (17 permohonan; RM2.4juta), Sabah (13 permohonan; RM1.9 juta), Kedah (8 permohonan; RM1.1 juta), Negeri Sembilan (7 permohonan; RM916.5 ribu), Pahang (6 permohonan; RM966.9 ribu), Terengganu (2 permohonan; RM265 ribu) dan Sarawak (1 permohonan; RM192 ribu). Bagi negeri Perlis, Kelantan serta Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya, masih tiada permohonan diterima sehingga 31 Januari 2012.

Tuan Yang Di-pertua,

4. Kerajaan memahami keperluan rakyat untuk memiliki rumah dengan harga berpatutan dan berkualiti terutamanya oleh golongan muda yang baru bekerja. Untuk itu, dalam Bajet 2012, Kerajaan telah menambahbaik skim Rumah Pertamaku dengan meningkatkan had maksimum harga rumah daripada RM220 ribu kepada RM400 ribu. Penambahbaikan ini membolehkan pembelian rumah melalui pinjaman bersama suami isteri yang masing-masing berpendapatan RM3,000 ke bawah membeli rumah kediaman bernilai sehingga RM400 ribu. Walau bagaimanapun, bagi pemohon individu yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, had kelayakan nilai rumah dikekalkan pada RM220 ribu. Kriteria-kriteria ini ditetapkan selaras dengan syarat pembayaran balik jumlah komitmen tidak boleh melebihi 55% daripada pendapatan kasar bulanan serta bagi mengelakkan pendedahan yang besar terhadap hutang.

5. Pecahan mengikut bank dan umur pemohon, sebahagian besar

permohonan diterima daripada Public Bank Berhad (65 permohonan), Alliance Bank Berhad (62 permohonan), Malayan Banking Berhad (36 permohonan) dan Alliance Islamic Bank (35 permohonan). Manakala mengikut umur, sebahagian besar penerima jaminan adalah dalam lingkungan umur antara 24 dan 29 tahun iaitu seramai 187 orang.

Tuan Yang Di-pertua,

6. Sambutan rakyat di Sabah terhadap Skim Rumah Pertamaku adalah menggalakkan. Seperti yang telah dinyatakan tadi, seramai 13 peminjam adalah dari negeri Sabah dengan jumlah pinjaman bernilai RM1.9 juta. Selain daripada skim ini, Kerajaan juga menyediakan pelbagai inisiatif lain bagi membantu rakyat memiliki rumah yang selesa dan mampu milik termasuk Program Perumahan Rakyat dan Program Rumah Mesra Rakyat. Adalah diharapkan rakyat dapat mengambil peluang ini dengan sebaiknya bagi memperbaiki taraf hidup mereka.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA
ANYAAN

RT

TARIKH

Y.B. DATO' NGEH KOO
HAM (BERUAS)

21.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada janji Kerajaan untuk membiayai 50% kos pembangunan bangunan sekolah untuk Sekolah Bantuan modal masih dilaksanakan. Kenapa ia tidak dilaksanakan untuk bangunan baru Sekolah Menengah Methodist, Ayer Tawar dan Sekolah Min Te (C), Ayer Tawar yang menyiapkan satu blok bangunan sekolah masing-masing dalam tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sekolah-sekolah berstatus bantuan kerajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan menyalurkan peruntukan berdasarkan permohonan oleh pihak sekolah dan kesediaan kewangan di KPM.

Bagi Sekolah Menengah Methodist, Ayer Tawar, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM50 ribu di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 dan RM50 ribu lagi di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2 bagi tujuan naiktaraf sekolah tersebut. Manakala bagi Sekolah Min Te (C), Ayer Tawar, KPM telah memperuntukan sebanyak RM50 ribu bagi skop kerja baik pulih bilik darjah di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012 . Peruntukan akan disalurkan kepada pihak sekolah selepas KPM mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Kewangan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah Methodist, Ayer Tawar dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Min Te, Ayer Tawar ialah sekolah bantuan modal yang telah membuat dan menyiapkan satu (1) blok bangunan di sekolah masing-masing pada tahun 2011. Pembinaan ini dibiayai oleh pihak Lembaga Pengurusan Sekolah masing-masing. Kedua-dua bangunan ini dibina setelah mendapat kelulusan daripada KPM. Setelah siap kedua-dua bangunan ini diselenggara dari segi penyelenggaraan dua (2) tahun sekali jika ada keperluan. Selain itu, perkhidmatan kebersihan dan keselamatan juga disediakan oleh KPM. Pembayaran utiliti bagi bil elektrik dan air bangunan tersebut juga dibiayai oleh KPM yang membuat pembayaran secara pukal melalui Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak.

(VJO. WM AN/.' £
X ~~NO A-UM~~-r-68-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGERA]

21 MAC 2012

TARIKH

4473

RUJUKAN

SOALAN:

Datuk Halimah Binti Mohd Sadique [Tenggara] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah dasar baru Kerajaan yang membenarkan migran yang menjadi mangsa eksploitasi pekerjaan ditempatkan di rumah perlindungan dan seterusnya dibenarkan untuk bekerja di Malaysia selepas dibebaskan mampu menambah baik perlindungan mangsa eksploitasi pekerjaan di negara ini.

JAWABAN Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenggara yang telah mengemukakan pertanyaan.

Sidang Dewan yang Dihormati,

Kerajaan telah menambah baik dasar yang sedia ada dengan memberikan kebenaran kepada mangsa eksploitasi buruh untuk bekerja selepas tamat tempoh periindungan. Ini bagi membuktikan bahawa kebajikan dan keselamatan mangsa pemerdagangan orang masih diberi perhatian serius oleh Kerajaan. Namun demikian, terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi selaras dengan hasrat Kerajaan dalam membantu mangsa-mangsa eksploitasi buruh tersebut menjalani kehidupan yang lebih baik melalui peluang pekerjaan yang diberikan tersebut.

Antara syarat-syarat yang telah digariskan adalah:

- i. Mangsa bersetuju untuk bekerja;
- ii. Kebenaran diperolehi dari perwakilan atau kedutaan yang berada di Malaysia;
- iii. Mangsa masuk secara sah ke Malaysia;

iv. Pengesahan bahawa keselamatan mangsa akan terancam jika dihantar pulang.

Tuan Yang Dipertua,

Kebenaran ini hanya diberikan kepada mangsa-mangsa yang telah tamat tempoh perlindungan sebagai insentif kepada mereka yang telah membantu pihak berkuasa untuk memberkas dan mendakwa sindiket ke muka pengadilan. Dengan kebenaran ini, ia akan memberi peluang untuk mereka mencari wang sebelum dihantar pulang ke negara asal mereka.

Selain daripada kebenaran tersebut, Kerajaan juga sedang berusaha untuk menambahbaik perlindungan kepada mangsa termasuklah aspek pemulihan. Ini kerana mangsa-mangsa ini turut menghadapi tekanan dan trauma kesan daripada eksploitasi yang berlaku ke atas diri mereka.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN
PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA **DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH **21 MAC 2012**

RUJUKAN **4474**

SOALAN :

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan**

- (a) apakah status dan tindakan yang telah diambil berkaitan memorandum Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) berkaitan isu pemulihan kepimpinan PBPM memandangkan ianya sudah berlarutan lebih 6 tahun; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan dan menambah baik kuarters, surau, jalan dan lain-lain di Pengkalan FRU 5, Ipoh, Perak yang kelihatan terlalu uzur dan terbiar.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN :

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Baharu yang telah mengemukakan pertanyaan.

Bagi menjawab pertanyaan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menerima beberapa memorandum bantahan daripada kalangan ahli-ahli Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) berkaitan kemelut dalaman persatuan ini pada tahun 2005. Isu ini juga telah dibawa ke mahkamah oleh ahli persatuan untuk diadili. Hasil keputusan mahkamah pada 27/07/2007 telah memerintahkan bahawa Pengerusi PBPM sedia ada sah memegang jawatan tersebut. Justeru itu segala memorandum bantahan yang dikemukakan kepada Jabatan Pertubuhan Malaysia akan dirujuk bersama dengan keputusan mahkamah yang telah diputuskan sebelum ini.

Walaupun kemelut ini masih lagi berlarutan dan belum mencapai penyelesaian yang sepatutnya, Kementerian ini akan terus membantu untuk menyatukan kedua-dua pihak yang bertelagah ini melalui beberapa siri perbincangan yang diadakan.

Bagi menjawab pertanyaan (b), permohonan daripada kontijen Perak bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan di bangunan-bangunan yang uzur dan terbiar di Pangkalan FRU 5, Ipoh Perak telah pun diteliti. Pada tahun 2011 sebanyak RM 1.4 juta peruntukan pembaikan telah diluluskan manakala RM 2.0 juta bagi tahun 2012 untuk keseluruhan

negara. Pelaksanaan kerja-kerja yang diperlukan akan dibuat mengikut keutamaan dan usaha lanjut akan dibuat bagi mendapatkan permohonan tambahan bagi memastikan kelancaran pelaksanaanya.

**PEMBERITAH
UAN
PERTANYAAN
DARIPADA DEWAN
Y.B. TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)
RAKYAT,
LISAN
MALAYSIA
PERTANYAAN 21.03.2012
TARIKH**

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada projek MRT mampan dari segi kewangan, berikan alasan-alasan, dan sama ada model MTR Hong Kong merupakan model yang digunakan oleh Kerajaan untuk membiayai projek MRT menerusi pengambilalihan dan membangun tanah-tanah yang telah diduduki, dan jika tidak, apakah model yang digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam usaha mempertingkatkan lagi kualiti hidup rakyat termasuk kemudahan prasarana yang lebih baik. Oleh itu, salah satu usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk mempertingkatkan mutu sistem pengangkutan awam di negara ini supaya ia lebih cekap dan berkesan dalam memenuhi kehendak rakyat. Justeru, di bawah Program Transformasi Ekonomi, *National Key Economic Area (NKEA), Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*, Kerajaan memutuskan supaya projek *Mass Rapid Transit (MRT)* dilaksanakan supaya rakyat dapat menikmati

kemudahan satu sistem pengangkutan awam yang cekap di Lembah Klang ke arah mencapai sasaran Nisbah penggunaan perkhidmatan Pengangkutan Awam (*modal share*) pada kadar 50% pada tahun 2025. Berasaskan kepada sasaran berkenaan, Kerajaan mensasarkan supaya perkhidmatan rel di negara ini menjadi tulang belakang (*backbone*) perkhidmatan pengangkutan awam dalam mewujudkan *seamless connectivity* antara pelbagai mod pengangkutan awam. Selain itu, pelaksanaan projek MRT akan memberi kesan positif yang signifikan kepada kegiatan ekonomi dan mewujudkan kesan pengganda untuk mencergaskan lagi ekonomi negara. Dalam hubungan ini, projek MRT dijangka dapat menjana 130,000 peluang pekerjaan dan pendapatan antara RM3 bilion hingga RM4 bilion setahun yang menyumbang secara langsung kepada pendapatan per kapita (GNI) sepanjang tempoh pembinaan hingga beroperasi sepenuhnya.

Kerajaan menyedari bahawa projek MRT ini merupakan projek infrastruktur terbesar yang pernah dilaksanakan oleh Kerajaan daripada aspek skop dan saiz kerana projek ini melibatkan amaun perbelanjaan yang begitu besar. Oleh itu, isu pembiayaan dan kewangan perlu diuruskan secara cekap dan berhemah. Bagi tujuan ini, DanaInfra Nasional Bhd, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan telah ditubuhkan sebagai syarikat pembiayaan (*funding company*) infrastruktur yang bertanggungjawab menasihati dan melaksanakan struktur pembiayaan projek yang optimum selaras dengan kedudukan kewangan Kerajaan. Bayaran balik pembiayaan akan distrukturkan berdasarkan kepada kedudukan fiskal Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan memberi perhatian istimewa kepada pembangunan infrastruktur rel kerana ia melibatkan perbelanjaan modal yang besar manakala hasil pendapatan daripada kutipan tambang (*fare revenue*) dijangka tidak dapat menampung kos operasi MRT. Oleh hal yang demikian, Kerajaan telah meneliti dan mempertimbangkan model MTR Hong Kong sebagai kaedah pembangunan infrastruktur rel yang sesuai dan *viable* untuk dilaksanakan dengan memberi penekanan juga kepada *non fare revenue* seperti hasil daripada pembangunan hartanah di sekitar kawasan stesen dan jajaran MRT. Dengan pendekatan ini, pendapatan daripada *non fare revenue*

tersebut dijangka akan dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan limpahan hasil pembangunan hartanah dapat menampung kos operasi MRT kelak.

Secara keseluruhannya, sungguhpun projek MRT akan melibatkan amaun perbelanjaan yang besar namun Kerajaan berpendapat bahawa ia wajar dilaksanakan berdasarkan manfaat dan potensi jangka panjang yang bakal diperoleh daripada projek ini terutamanya dalam mewujudkan pertumbuhan kawasan komersial baru dan peluang pekerjaan kepada rakyat yang akan memangkinkan dan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

NO. SOALAN : 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

[PERMATANG PAUH]

TARIKH

21 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta PERDANA MENTERI menyatakan komitmen Kerajaan terhadap permintaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) agar salinan pengisytiharan harta semua anggota Pentadbiran termasuk ahli-ahli keluarga mereka juga dikemukakan kepada SPRM serta cadangan supaya pengisytiharan harta hakim-hakim dikemukakan kepada Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman.
Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan yang ada pada hari ini merupakan sebuah Kerajaan yang mengamalkan sikap telus dan terbuka. Oleh itu, Kerajaan sentiasa bersedia untuk melaksanakan dasar perisytiharan harta Menteri Kabinet dan hakim-hakim bagi memastikan integriti dalam pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebenarnya Kerajaan telah lama mengamalkan proses pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran. Pengisytiharan harta yang diwajibkan pula bukan terhad kepada Anggota pentadbiran sahaja seperti yang dilakukan oleh pihak tertentu, sebaliknya bersifat menyeluruh dan turut melibatkan ahli keluarga terdekat. Setiap Anggota Pentadbiran diwajibkan mengisytiharkan harta diri serta harta keluarga terdekat kepada Perdana Menteri. Setiap tambahan atau pelupusan harta juga wajib diisytiharkan. Tambahan lagi kesemua pengisytiharan harta yang berkenaan dibuat secara berkanun (*statutory declaration*). Pada 27 Februari yang lalu saya telah mengumumkan persetujuan Kerajaan agar Ketua Pesuruhjaya SPRM mempunyai akses penuh kepada dokumen-dokumen pengisytiharan harta mana-mana Anggota Pentadbiran dan akan memantau pertambahan harta, *liability* dan pelupusan semasa beliau memegang jawatan. Setiap tambahan atau pelupusan harta wajib diisytiharkan setiap 2 tahun. Ini mencerminkan keterbukaan dan kesediaan Kerajaan membantu fungsi dan peranan SPRM selaku pihak berkuasa dalam pencegahan rasuah selain

JAWAPAN:

membuktikan komitmen kerajaan memerangi jenayah rasuah secara total dan di semua peringkat.

Tuan Yang Di Pertua,

Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan Pekeliling Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2012 bertarikh 1 Mac 2012 untuk memberi penjelasan dan panduan mengenai perisytiharan harta oleh seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman. Sebagai langkah permulaan terhadap arahan ini, seseorang hakim dikehendaki mengisytiharkan harta dalam tempoh 30 hari dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan dan selepas itu bagi setiap 3 tahun melainkan jika seseorang hakim itu memperolehi harta tambahan atau melupuskan harta yang mana hendaklah mengisytiharkannya selepas perolehan atau pelupusan harta itu dilakukan. Segala tindakan yang diambil terhadap perisytiharan harta hakim adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kod Etika Hakim 2009.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

NO'AtJM TT3¹

MQ-AUP—*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH : 21 MAC 2012

RUJUKAN : 4475

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah untuk membasmikan kecurian tanaman tempatan seperti kelapa sawit yang semakin serius pada masa kini.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, antara langkah-langkah yang boleh diambil bagi membasmi kecurian tanaman tempatan seperti kelapa sawit dan sebagainya adalah seperti berikut:

- (i) Mengenalpasti lokasi kecurian serta penjenayah yang terlibat supaya serbuan dan tangkapan dapat dibuat;
- (ii) Melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan yang membawa muatan hasil tanaman seperti kelapa sawit dan sebagainya. Satu mekanisma perlu ditetapkan bagi memudahkan pengenalan ke atas buah kelapa sawit yang dicuri, seperti tanda pengenalan atau dokumen pengesahan;
- (iii) Mengadakan operasi bersama Malaysian Palm Oil Board (MPOB) dan agensi penguatkuasa lain yang berkaitan;
- (iv) Memeriksa rekod peniaga untuk memastikan belian sawit adalah dari pekebun berlesen sahaja;
- (v) Tindakan menggantung lesen peniaga jika membeli buah sawit curi;
- (vi) Memeriksa penjual buah secara kecilan yang menggunakan kenderaan motor atau kereta;

JAWAPAN:

- (vii) Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi dalam perkongsian maklumat risikan;

- (viii) Memberi ceramah/taklimat kesedaran dan keselamatan kebun kepada pekebun;

- (ix) Menjalankan siasatan ke atas aduan yang diterima berkaitan kecurian kelapa sawit dengan kadar segera;

- (x) Menyedia dan mengedar risalah penerangan berkaitan dengan kecurian buah sawit;

- (xi) Mewujudkan kerjasama dengan persatuan Pekebun Kecil bagi membanteras kecurian sawit; dan

PEMBERITAHU PERTANYAAN

(xii) Membanteras ~~penglibatan pembeli buah kelapa~~ pembelian buah kelapa sawit yang membeli secara pukal dengan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (a) Membatalkan lesen perniagaan atau lesen pemborong dengan kerjasama Malaysian Palm Oil Board (MPOB);
- (b) Memperketatkan peraturan pembelian buah kelapa sawit; dan
- (c) Memantau dan menambil tindakan ke atas pembeli-pembeli kelapa sawit secara haram.

NO.SOALAN : 67

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TEO NIE CHING

TARIKH 21 MAC 2012

SOALAN:

YB Teo Nie Ching [Serdang] minta PERDANA MENTERI

menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan dan daripadanya, berapa banyak adalah terdiri daripada golongan OKU.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 31 Disember 2011, jumlah kakitangan dalam perkhidmatan awam (tidak termasuk tentera dan polis) adalah seramai 1,076,405 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,686 orang adalah terdiri daripada OKU.

Sebagai makluman Yang Berhormat, keseluruhan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan OKU setakat ini ialah seramai 355,000 orang, namun yang memohon jawatan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam secara puratanya ialah 6,493 dalam tahun 2008

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

hingga 2010 dan hanya 3,684 dalam tahun 2011.

Sekian, terima kasih.

